


Jilid II
Bil. 7



Hari Rabu
21hb Mac, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 961]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983)

Jawatankuasa—

Jadual Kedua:

Maksud B. 36, B. 37 dan B. 40 [Ruangan 1012]

Maksud B. 57 [Ruangan 1035]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1982 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1983

Maksud P. 36, P. 37, P. 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 [Ruangan 1012]

Maksud P. 52 dan P. 56 [Ruangan 1035]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. Tengku DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATO BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAACOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATOK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATUK MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMAD, K.M.N., A.M.N. (Pantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

- Yang Berhormat TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.I. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKUB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.I., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ,
P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.
(Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai
Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEE FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 21hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengeruskan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEGAWAI/PENUNTUT MENEN-
TANG DASAR KERAJAAN

1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat Pegawai-pegawai Kerajaan dan penuntut-penuntut kita di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini yang menentang kuat dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Jika ya, apakah langkah atau tindakan-tindakan tertentu Kerajaan agar mereka ini memahami sebenarnya dasar-dasar Kerajaan dan agar mereka itu tidak menjadi penghalang atau pengkhianat kepada konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar ada di antara Pegawai-pegawai Kerajaan dan penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi tempatan yang mengkritik dasar Kerajaan. Tetapi Kerajaan belum pasti ada golongan mereka yang menentang kuat dasar-dasar Kerajaan.

Saya suka mengingatkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan tidak boleh menentang dasar-dasar Kerajaan, dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan hendaklah mereka laksanakan dengan penuh tanggungjawab, dedikasi dan Bersih, Cekap dan Amanah.

Kerajaan adalah amanah rakyat, pentadbiran adalah alat bagi melaksanakan amanah itu. Bagi kakitangan, pegawai Kerajaan, penerangan melalui kursus-kursus briefing, taklimat, seminar diadakan sebagai tambahan kepada surat-surat pekeliling yang dikeluarkan.

Di samping itu juga Institut INTAN dan juga Pusat-pusat latihan lain adalah juga menjadi tempat di mana, di samping kursus-kursus yang berhubung dengan pengkhususan ataupun tugas Pegawai-pegawai itu, maklumat-maklumat juga adalah penerangan-penerangan juga adalah diberikan berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan.

Bagi penuntut-penuntut, penerangan dibuat melalui ceramah-ceramah dengan Persatuan Penuntut-penuntut sebagai tambahan kepada penerangan umum yang dibuat oleh Kerajaan dalam media-media massa.

Kerajaan juga telah mengadakan dasar baharu iaitu untuk memberi reorientasi yang lengkap kepada penuntut-penuntut yang sedang menuntut di luar negeri.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar pegawai-pegawai Kerajaan dan pelajar-pelajar kita menentang ataupun tidak bersetuju dasar kosep Bersih, Cekap dan Amanah disebabkan mereka melihat dengan matanya perbuatan diskriminasi dan tiada keadilan yang berlaku di sekitar mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya, tidak.

Dato' Haji Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengakui bahawa memang ada dalam pengetahuan Kerajaan pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar yang menentang dasar-dasar Kerajaan.

Soalan saya apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka berperanan demikian dan Yang Berhormat juga telah menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan walaupun banyak perkara yang disebutkan tetapi di dalam satu bentuk yang boleh kita simpulkan hanya penjelasan dan penerangan tentang dasar-dasar. Tidak ada disebutkan langkah-langkah yang lebih positif untuk membangkitkan kesedaran ataupun menjadi teladan kepada mereka yang sering bersikap demikian.

Jadi soalan saya yang kedua adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih positif supaya sikap yang tidak bertanggungjawab ini dapat dibenters di dalam pentadbiran Kerajaan.

Soalan yang ketiga apakah langkah-langkah jangka panjang supaya setiap pegawai Kerajaan menjadi seorang yang sebagaimana dihajati oleh Kerajaan iaitu Kepimpinan Melalui Teladan. Bermakna apabila mereka menjadi pegawai Kerajaan mereka diarah supaya mentaati Kerajaan, maka mereka mestilah menunjukkan yang mereka benar-benar mentaati Kerajaan sebagaimana arahan sesuai dengan konsep Kepimpinan Melalui Teladan.

Jadi apakah langkah-langkah jangka panjang sama ada akan diadakan dalam syarat-syarat untuk mendapat pekerjaan ataupun melalui pelajaran civik di sekolah-sekolah di peringkat menengah supaya mereka lebih memahami dasar-dasar Kerajaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Jadi berhubung dengan faktor yang dianggap sebagai faktor utama yang menyebabkan adanya kejadian mengkritik Kerajaan berhubung dengan dasar-dasar yang telah diumumkan oleh Kerajaan itu, ialah disebabkan masalah komunikasi dalam erti kata dasar-dasar yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan itu tidak diberi penerangan yang sejelasnya kepada mereka.

Kita tentulah sedia maklum bahawa setakat apa yang tersiar dalam surat-khabar atau pun dalam radio dan televisyen mengenai pengumuman satu-satu dasar sahaja adalah dianggap sebagai masih kurang mencukupi untuk memberi maklumat sedalam-dalamnya, terutama di kalangan penuntut-penuntut di Institusi pelajaran tinggi yang semuanya sedang mengikuti pelajaran tinggi dan dengan itu mempunyai pemikiran yang kritis dan juga di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan yang akan menjadi pelaksana dan dalam keadaan di mana satu penjelasan yang sepenuhnya belum didapati, maka sudah semestinya banyak soalan yang dikemukakan yang dapat didengar daripada mereka dan juga banyak lagi pandangan-pandangan dan conclusion, kesimpulan-kesimpulan yang dibuat berhubung dengan perkara itu, umpamanya macam dasar peng-swastaaan dan dasar persyarikatan, sedangkan dalam Kerajaan pun penerangan selengkapnya, sedalam-dalamnya berhubung dengan dasar-dasar ini mestilah juga diberi.

Samalah halnya juga dengan Dasar Ekonomi Baru yang mengambil masa yang begitu lama untuk memberi penerangan yang sejelas-jelasnya. Jadi adalah dalam bidang memperbaiki komunikasi antara pihak Kerajaan dan pihak merekalah maka perhatian sepenuh-penuhnya diberikan, dan langkah-langkah yang diambil pada masa sekarang ini sebagaimana yang saya jelaskan tadi adalah langkah yang berhubung dengan Majlis Penerangan dan Majlis Taklimat yang berhubung dengan kursus yang dijalankan secara formal oleh pusat-pusat latihan ataupun kursus-kursus yang khas diadakan

untuk tujuan-tujuan memberi penerangan-penerangan mengenai dasar-dasar yang telah dilaksanakan itu.

Saya percaya cara ini juga memang ada kesan yang baik kerana dalam situasi yang macam ini akan wujudlah satu dialog bertukar-tukar fikiran yang boleh menambahkan lagi pemahaman terhadap dasar-dasar yang telah diadakan itu.

Jadi, apa yang dibuat untuk penuntut pun samalah juga dengan apa yang dilaksanakan untuk pegawai-pegawai Kerajaan.

Berhubung dengan kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan tentang perlunya mereka mengikut peraturan dan melaksanakan tugas dengan baik, dengan cekap sebagaimana yang dikehendaki, ini memang ada dalam kawalan tatatertib yang terkandung dalam Perintah Am itu. Dengan itu saya anggap apa yang terdapat peraturan-peraturan yang ada dalam Kerajaan ini sudah boleh membendung keadaan, ertinya sudah boleh memastikan bahawa sanya kejadian-kejadian menentang kuat dasar-dasar Kerajaan itu tidak akan berlaku. Tetapi tentang kritik-kritik yang akan dikeluarkan terhadap dasar-dasar Kerajaan, sebagaimana yang saya katakan awal-awal tadi, ini satu perkara yang akan berlaku. Dalam situasi di mana penerangan secukupnya belum lagi didapati maka adalah menjadi satu perkara yang sangat biasa, paling biasa sekali mendengar macam-macam soalan, macam-macam pandangan yang boleh dianggap sebagai kritik kepada dasar-dasar itu.

Tentang Kepimpinan Melalui Teladan pula, ini adalah berupa satu kempen yang dijalankan khusus bertargetkan pegawai-pegawai Kerajaan dan dalam kempen ini berbagai-bagai kegiatan telah dilaksanakan dengan tujuan untuk melahirkan satu fahaman yang mendalam tentang konsep Kepimpinan Melalui Teladan ini dan bagaimana nilai-nilai kepimpinan yang baik itu dapat kita terapkan dan bagaimanakah kita dapat bekerja dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan gaya bekerja yang

berlandaskan kepada konsep Kepimpinan Melalui Teladan dan apa yang diusahakan sekarang ini adalah satu usaha yang panjang kerana ini proses perubahan sikap, proses penerapan nilai-nilai baru sudah semestinya berupa satu proses yang akan mengambil masa yang agak panjang. Walau bagaimanapun, setakat yang dapat dilihat ada tanda-tanda yang kerajaan didapati dalam kempen ini.

RANCANGAN PELAJARAN 3R— KEMAJUAN

2. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) setakat manakah perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh murid-murid dibidang pelajaran melalui rancangan pelajaran 3R setakat ini;
- (b) bagaimanakah ini response dari para ibubapa, dan persatuan-persatuan dan badan-badan yang berfungsi sebagai badan pelajaran, terhadap Rancangan 3R setelah ia diimplementasikan; dan
- (c) kini jikalau disedari terdapat kelemahan dalam Rancangan Pelajaran 3R, maka inginkah pihak Kerajaan mengubah sistem tersebut sebelum terlewat.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran telah dapat mengesan beberapa kemajuan yang menggalakkan hasil dari pelaksanaan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR). Selain daripada bertambahnya minat murid untuk belajar dan bertambahnya keaktifan murid mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran taraf pencapaian murid-murid yang mengikuti KBSR juga lebih tinggi daripada rakan-rakan mereka yang mengikuti kurikulum lama.

Pada tahun lalu murid-murid tahun dua di sekolah-sekolah pelaksanaan terhad telah mengikuti KBSR manakala murid-murid Darjah II di sekolah-sekolah yang lain mengikuti kurikulum lama.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk membandingkan taraf pencapaian murid di kedua sistem itu didapati murid-murid yang mengikuti KBSR adalah mengatasi murid-murid yang mengikuti kurikulum lama baik di bandar mahupun di luar bandar.

Misalnya murid-murid sekolah kebangsaan di luar bandar yang mengikuti KBSR mengatasi murid-murid yang mengikuti kurikulum lama sebanyak 17.8% dalam matapelajaran bahasa pengantar dan 15.8% dalam matapelajaran matematik.

Murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) luar bandar yang mengikuti KBSR mengatasi murid-murid yang mengikuti kurikulum lama sebanyak 17.5% dalam matapelajaran bahasa pengantar dan 22.7% dalam matapelajaran matematik.

Murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) luar bandar yang mengikuti KBSR mengatasi murid-murid yang mengikuti kurikulum lama sebanyak 17% dalam matapelajaran bahasa pengantar dan 22% dalam matapelajaran matematik.

Sehingga ini sambutan yang diberi oleh ibubapa persatuan-persatuan dan badan-badan pelajaran adalah positif sekali.

Kementerian Pelajaran sentiasa menjalankan pengesanan ke atas semua aspek pelaksanaan program ini untuk mengetahui masalah-masalah yang timbul berdasarkan dapatan.

Daripada pengesanan ini langkah-langkah sewajarnya telah diambil untuk mengatasinya.

Setakat ini Kementerian Pelajaran mendapat tidak ada sebab yang memerlukan pihak Kerajaan mengubah sistem KBSR yang baru dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 1983 yang lalu.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada pelajaran hari

akan diperkenalkan sejajar dengan amalan standard antarabangsa sistem 3M.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa yang dimaksudkan ini kerana kita mencerita fasal KBSR di peringkat sekolah rendah yang mempunyai ciri-ciri tertentu.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, solan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kemajuan yang menggalakkan itu akan sampai ke satu tahap yang lebih tinggi lagi dan yang lebih cemerlang lagi sekiranya tidak disekat oleh masalah-masalah seperti kekurangan bilik darjah dan kekurangan guru. Saya juga ingin bertanya berapakah buah bilik darjah tambahan dan berapa orang guru tambahan yang dianggap diperlukan mengikut nisbah-nisbah yang diingini itu untuk menayakan lagi kemajuan Rancangan KBSR ini apabila dilaksanakan sepenuhnya di semua peringkat darjah pada tahun 1988. Apakah anggaran belanjawan yang diperlukan dan juga adakah Kementerian Pelajaran yakin bahawa akan mendapatkan peruntukan pada masa itu.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama tadi, ini merupakan pandangan-pandangan ideal yang mana kita sedang merancang untuk mencapai ke tahapnya seperti menyelesaikan masalah kekurangan bilik-bilik darjah. Tetapi dari segi nisbah guru dalam pelaksanaan yang ada sekarang ini sudah pun kita laksanakan dan tidak ada masalah kekurangan guru bagi mengajar KBSR.

Yang Berhormat menanyakan sama ada sekiranya tidak terdapat masalah kekurangan bilik darjah dan kekurangan guru ini prestasinya akan lebih baik lagi.

Setakat ini saya ingin menjelaskan setakat prestasi yang ada sudah pun memuaskan walaupun kita mengakui wujudnya masalah kekurangan bilik darjah tetapi masalah kekurangan guru mengajar KBSR ini tidak timbul.

Mengenai soalan yang kedua, yang melibatkan anggaran dan juga Yang Berhormat menanyakan jumlah sebenar belanjawan ataupun unjoran sehingga pada tahun 1988, ini saya rasa saya perlu notis.

Dari segi pembangunan, peruntukan pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan baru-baru ini seperti yang kita maklum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah menyatakan rancangan Kerajaan untuk mendapat kelulusan Dewan menambahkan lagi peruntukan Pembangunan Kementerian dalam kajian semula Rancangan Malaysia Keempat dan ini menunjukkan bahawa dari segi Kerajaan memang kita anggar bahawa peruntukan untuk pembangunan khususnya bagi pelajaran ini memang diberi keutamaan oleh Kerajaan. Jadi, dengan itu saya menyangka kita tidak akan menghadapi masalah besar dalam hal pembangunan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Haji Jamaluddin bin Haji Suhaimi.

(Soalan No. 3 Y.B. Dato Haji Jamaluddin bin Haji Suhaimi tidak hadir).

PROJEK KERETA MALAYSIA— PENYERTAAN BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

4. Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan apakah dan berapakah projek-projek yang ada hubungan dengan projek Kereta Malaysia dan Kilang Besiwaja PEWAJA di Telok Kalong yang telah dikesan, dan berapakah yang telah dikeluarkan lesen dan diluluskan. Berikan butir-butir tentang penyertaan Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang terhormat dapat dijawab dalam dua bahagian. Bahagian pertama ialah

mengenalpasti apakah bahan-bahan ataupun komponen-komponen yang diperlukan dengan banyaknya berhubung dengan projek Kereta Malaysia dan Kilang Besiwaja. Bahagian kedua adalah mengenai bilangan projek-projek yang diadakan bagi mengeluarkan bahan-bahan ataupun komponen-komponen yang diperlukan.

Dari segi mengenalpasti bahan-bahan itu, suka saya menjelaskan bahawa projek-projek yang berhubung dengan Kereta Malaysia adalah melibatkan pengeluaran komponen-komponen yang akan digunakan. Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. ataupun PROTON telah mengenalpasti 282 komponen baru yang boleh dikeluarkan dalam negeri bagi jangka pendek. PROTON sedang bekerja rapat dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menggubal satu program penggunaan komponen tempatan secara teratur.

Bagi projek kilang besi Hot Briquetted Iron (HBI) dan Billet Keluli yang dilaksanakan oleh Perwaja Terengganu, projek-projek yang mungkin berhubung adalah—

(a) Pembekalan satu besi (scrap iron) sebanyak 120,000 tan setahun;

Jadi Tuan Yang di-Pertua, siapa di kalangan Ahli Yang Berhormat yang mempunyai kereta yang sudah luput dan sudah tak boleh dipakai berhampiran di kawasan rumah, sudah menjadi reban ayam dan sebagainya, sisa-sisa kereta itu bolehlah dimajukan kepada HICOM supaya boleh dijadikan sisa besi (scrap iron) untuk keperluan di negara kita; dan secara tidak langsung itu juga akan membantu membersihkan kawasan-kawasan di negara kita.

(b) Pembekalan batukapur sebanyak 69,000 tan setahun.

(c) Perkhidmatan membaiki enjin dan jentera.

(d) Pembekalan batu bata khas (Refractory Bricks).

Dasar yang digunakan adalah bagi memperoleh bahan-bahan daripada sektor swasta. Oleh kerana belum ditentukan lagi firma-firma yang akan dipilih pada masa ini, maka butir-butir penyertaan Bumiputera dan bukan Bumiputera belum dapat ditentukan.

Dalam bidang industri otomotif, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri ini bukanlah satu perkara yang baru oleh kerana Malaysia telahpun menceburi dalam bidang pemasangan kereta. Industri bagi pengeluaran komponen kereta memang telah wujud untuk memenuhi keperluan pemasangan-pemasangan kereta yang ada di Malaysia sejak dahulu lagi.

Setakat ini bilangan lesen yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk komponen kereta adalah 172. Daripada jumlah bilangan lesen yang telah diluluskan, 8 telah diberi kepada firma Bumiputera.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada maklumat yang diberi oleh Menteri tadi, kemungkinan besar besi-besi buruk akan digunakan dalam membuat Kereta Malaysia. Adakah ini bermakna akan menjejaskan mutu kereta Malaysia disebabkan terdiri dari bahan-bahan besi buruk?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya, kerana besi-besi buruk yang dikumpulkan itu apabila diproses menjadi besi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi besi baru! Yang Berhormat dari Tenggaroh.

Tuan Mohd. Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ingin saya kemukakan tadi sudahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat.

RUMAH KOS RENDAH—GARIS PANDUAN PENGAGIHAN

5. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan

sekarang telah mempunyai atau bercadang untuk menggubal garis-garis panduan dasar (policy guidelines) terhadap pengagihan rumah-rumah kos rendah yang mengambil kira keperluan, taraf pendapatan dan saiz keluarga si pemohon, serta komposisi sosio-ekonomi dan kaum penduduk-penduduk tempatan di mana sesuatu projek perumahan itu ditempatkan. Jika ya, apakah garis-garis panduan ini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan dan peraturan-peraturan pembahagian rumah awam kos rendah untuk panduan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Di dalam garis panduan itu telahpun ditentukan faktor-faktor asas bagi mempertimbangkan pengagihan rumah kos rendah yang mengambil kira taraf pendapatan dan saiz keluarga si pemohon serta lain-lain faktor yang melibatkan komposisi sosio-ekonomi dalam peraturan-peraturan pembahagian rumah awam kos rendah itu, faktor asas yang ditegaskan diambil kira bagi menimbangkan permohonan adalah:

- (1) Mengutamakan permohonan yang pendapatan sekeluarganya tidak lebih daripada \$750 sebulan.
- (2) Keluarga tersebut perlu menetap di kawasan tersebut dan tidak mempunyai rumah atau tanah yang lain di kawasan yang sama atau berhampiran dengannya.
- (3) Lama menyewa atau tinggal di kawasan tersebut.
- (4) Keadaan dan bilangan anggota keluarga pemohon.
- (5) Keupayaan pemohon untuk membayar ansuran atau sewa.
- (6) Keutamaan diberi kepada mereka dalam lengkongan umur 30-40 tahun.
- (7) Orang-orang yang cacat anggota dan bekas anggota Pasukan Keselamatan juga diberi keutamaan.

- (8) Keperluan menyusun semula masyarakat setempat dan lain-lain faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri atau Dewan Bandaraya berseesuaian dengan keadaan tempatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga pada amalannya Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun membuat penentuan komposisi kaum dari penduduk tempatan bagi sesuatu projek perumahan awam kos rendah yang akan dimajukan. Penentuan ini dibuat berseesuaian dengan keadaan kependudukan tempatan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dalam aspek peruntukan rumah awam kos rendah untuk setinggan-setinggan.

Di sini saya suka bertanya kepada beliau sama ada beliau sedar bahawa terdapat kes-kes setinggan-setinggan yang terlibat di dalam projek pembangunan oleh pihak swasta dan juga projek itu dimajukan atas tanah swasta di mana setinggan-setinggan itu tidak boleh mendapat rumah awam kos rendah memandangkan bahawa kelulusan tidak diberikan oleh Jawatankuasa Tanah di daerah itu? Jika Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang perkara ini, saya ingin bertanya sama ada Kementerian beliau akan menetapkan garis panduan atau dasar untuk menentukan bahawa semua setinggan-setinggan yang terlibat di dalam satu-satu projek pembangunan oleh pihak swasta akan dan harus diberikan rumah awam kos rendah?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya projek yang dilakukan di satu-satu tempat itu mempunyai setinggan-setinggan adalah projek swasta maka memanglah digalakkan supaya pihak swasta itu membuat sesuatu perjanjian atau perundingan dengan setinggan-setinggan itu untuk mencari tempat kediaman mereka. Tetapi oleh kerana ini adalah projek-projek swasta, kami sebenarnya selalu

tidaklah memainkan peranan yang utama. Kalau projek ini projek Kerajaan maka memang ada diberi juga keutamaan kepada mereka ini untuk diberi tempat-tempat setelah rumah-rumah kos rendah ini disediakan. Pada amalannya saya perhatikan memang ada tempat-tempat projek di mana projek swasta menjalankan projeknya di mana mereka mengadakan perundingan dengan setinggan-setinggan itu supaya mereka juga diberi keutamaan untuk memiliki rumah-rumah kos rendah ini.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa satu syarat mengenai pendapatan sekeluarga ialah tidak melebihi daripada \$750 sebulan yang merupakan satu taraf maksimum. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa secara tidak rasminya sebenarnya terdapat satu taraf minimum juga iaitu bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada \$400, mereka ini tidak diberi peluang untuk memperolehi perumahan kos rendah kerana dianggap bahawa mereka tidak sanggup untuk membayar ansuran. Dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menghadapi masalah perumahan bagi mereka yang benar-benar miskin ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga kepada Timbalan Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk mengamalkan penswastaan bagi projek-projek perumahan secara besar-besaran untuk mempercepatkan lagi proses pembinaan perumahan kos rendah ini?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kami sedar berkenaan dengan soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Berkenaan dengan mereka yang berpendapatan minimum sebanyak \$400 sebulan yang tidak mampu untuk membeli rumah, Kerajaan telah juga mendirikan rumah-rumah pangsa, terutamanya di kawasan-kawasan bandar supaya rumah-rumah pangsa ini dapat disewakan kepada mereka.

Berkenaan dengan soalan keduanya pula memanglah Kerajaan berhasrat di mananya boleh untuk diswastakan projek-projek perumahan ini supaya memberi peluang kepada pihak swasta untuk sama-sama menyertai di dalam pembangunan perumahan di negara kita.

RANCANGAN MEWARGA- NEGARAKAN JAWATAN- JAWATAN

6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang dicapai di bawah rancangan mewarganegarakan jawatan-jawatan (Malaysianisation programme) dan mengapakah terdapat hanya sebilangan kecil sahaja firma yang memberi rancangan latihan kepada Bumiputera dan lain-lain rakyat Malaysia menggantikan kakitangan-kakitangan asing dan firma-firma ini terlalu lembab untuk memindah ilmu teknologi kepada rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah dicapai di bawah Rancangan Pewarganegaraan Jawatan-jawatan asing dapat dilihat dari jawatan-jawatan tersebut yang telah diambilalih oleh kakitangan tempatan. Mengikut perangkaan purata jumlah pegawai dagang yang berada di negara ini dalam tahun-tahun 1970an adalah seramai 4,000 orang dan secara kasarnya lebih kurang 10.5% dari jumlah jawatan-jawatan asing ini telah diwarganegarakan setiap tahun. Walau bagaimanapun jumlah pegawai-pegawai dagang ini telah meningkat dengan giatnya dalam tahun 1981 kepada 8,142 orang dan dalam tahun 1982 kepada 13,935 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pertambahan jumlah pegawai dagang yang pesat pada masa ini adalah disebabkan perkembangan ekonomi negara yang meningkat terutama dari sumbangan pelaburan asing. Sebagai contoh didapati dalam tahun 1981 jumlah

ekuiti baru dari pihak asing dalam sektor pembuatan sahaja berjumlah \$495.3 juta dan untuk tahun 1982 pula jumlah ekuiti baru dari pihak asing telah bertambah sebanyak \$527.6 juta. Angka-angka ini menunjukkan peratus pertambahan ekuiti asing di dalam sektor pembuatan sebanyak lebih kurang 20% setahun. Memandangkan hal ini sudah sewajarnya pegawai-pegawai dagang diperlukan untuk mewakili dan menjaga kepentingan asing serta mengalirkan kepakaran dan teknologi terbaru ke negara ini.

Mengenai rancangan latihan dan kemahiran kakitangan tempatan pula, tiap-tiap syarikat yang mempunyai pegawai dagang adalah dimestikan untuk mewujudkan rancangan latihan dan, "understudy" dengan izin, yang terperinci untuk tujuan memindahkan kemahiran kepada kakitangan tempatan. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan nama calon, tempoh latihan, jenis-jenis latihan yang diberikan dan tarikh calon "understudy" boleh mengambilalih satu-satu jawatan-jawatan tersebut. Jenis-jenis latihan yang diberikan adalah dalam bentuk latihan sambil kerja, latihan secara sepenuh masa di dalam atau di luar negeri serta kursus-kursus jangka pendek yang diberikan dari semasa ke semasa kepada kakitangan tempatan. Rancangan latihan ini dikehendaki dibuat selepas tiga atau enam bulan kehadiran tiap-tiap pegawai dagang berkenaan. Kajian sentiasa dibuat berdasarkan kepada rancangan latihan yang dikemukakan oleh pihak syarikat untuk melihat keupayaan kakitangan tempatan melaksanakan jawatan-jawatan yang berkenaan sebelum satu-satu jawatan itu diwarganegarakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, proses pemindahan teknologi melalui pewarganegaraan jawatan-jawatan asing kepada kakitangan tempatan perlu mengambilkira berbagai-bagai faktor supaya ianya tidak menjejaskan perkembangan ekonomi yang pesat di negara ini. Proses pemindahan teknologi ini memang memakan masa yang lama dan ini adalah disebabkan antara lain kerana perubahan-perubahan yang

sentiasa berlaku di dalam teknologi-teknologi berkenaan, pengenalan teknologi-teknologi baru dan rancangan pembesaran projek yang sentiasa dilaksanakan oleh pihak syarikat di mana kehadiran pakar-pakar dari luar negeri adalah diperlukan untuk menentukan kejayaan pelaburan mereka. Di samping itu, kemajuan dalam pemindahan teknologi dan kemahiran-kemahiran memerlukan penglibatan dari kedua-dua belah pihak iaitu pihak pegawai dagang dan juga kakitangan tempatan yang dilatih itu sendiri. Sikap dan keupayaan kakitangan tempatan untuk menerima dan mempelajari teknologi baru dan kemahiran yang diberi memainkan peranan yang penting. Di samping itu, pihak pegawai-pegawai asing juga hendaklah bersungguh-sungguh dan jujur dalam memindahkan kemahiran mereka kepada kakitangan tempatan dalam usaha untuk mempercepatkan proses pemindahan teknologi ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, adakah benar bahawa terdapat pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab kepada warganegara ini diberi kepada jawatan-jawatan yang tidak penting. Misalnya jawatan PRO ataupun jawatan-jawatan tidak bertanggungjawab yang tidak boleh mendapat pemindahan teknologi kepada rakyat kita.

Yang kedua, apabila jawatan itu diberi kepada bumiputera, gajinya tidak dibayar sama sebagaimana yang dibayar kepada warganegara asing. Ini merupakan tidak begitu menggalakkan kepada rakyat warganegara kita ini memegang jawatan yang berat yang dipegang oleh warganegara asing itu.

Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pewarganegaraan jawatan-jawatan ini, saya ingin menjelaskan untuk tujuan itu ada tiga kategori jawatan:

Pertamanya, jawatan yang disebutkan sebagai jawatan penting yakni dalam bidang ini jawatan yang kekal

yang selama-lamanya boleh di-sandang oleh pegawai asing. Jawatan seperti ini biasanya dipertimbangkan kepada jawatan-jawatan yang tertinggi dalam syarikat ataupun mana-mana jawatan yang bertanggungjawab secara langsung terhadap polisi syarikat dan pelaksanaannya. Dan tujuan diadakan peruntukan mengenai jawatan penting ini ialah untuk membolehkan para pelabur asing menjaga kepentingan pelaburan mereka secara berterusan di negara ini.

Keduanya, jawatan yang disebutkan jawatan executive, iaitu jawatan-jawatan yang memerlukan pemegangnya memiliki kelayakan akademik dan pengalaman teknikal yang sesuai dengan tugas-tugas mereka, dan

Ketiganya, jawatan-jawatan yang bukan executive.

Sebagaimana saya sebutkan tadi mungkin dalam jawatan yang penting kebanyakan jawatan-jawatan itu masih dipegang oleh pegawai-pegawai dagang tetapi bagi jawatan-jawatan yang lain sebagaimana yang telah pun saya jawab dalam jawapan asal tadi memanglah ditentukan mengikut jangka masa yang tertentu supaya jawatan-jawatan itu diserahkan kepada pihak orang-orang Malaysia, kakitangan ataupun pegawai-pegawai Malaysia yang difikirkan sesuai dan boleh memikul tanggungjawab itu mengikut jadual yang telah ditentukan. Oleh sebab itu, dalam satu segi memang ada kenyataan ataupun kebenaran apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi jawatan-jawatan itu tidak berapa penting tetapi kalau dikaji dari segi aspek industri-industri tertentu pula ada jawatan-jawatan yang terpenting juga terpaksa diserahkan kepada pihak orang-orang rakyat Malaysia. Perkara ini ditimbang dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Kewarganegaraan.

Berkenaan dengan soalan yang kedua sama ada pegawai bumiputera yang mengambil alih itu diberikan gaji yang rendah, saya tidak dapat memastikan perkara itu kemungkinan ia ada berlaku tetapi kita perlulah

mengkaji mungkin ada faktor-faktor yang lain yang menyebabkan mereka itu tidak dibayar gaji yang sama. Pada pandangan saya sekiranya kaum bumiputera ataupun warganegara Malaysia yang layak dan mampu menjalankan tugas yang sama seharusnya diberikan pertimbangan untuk dapat gaji dan pembayaran kemudahan-kemudahan lain sebagaimana yang dinikmati oleh warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

PENYELIA PETANG DI SEKOLAH-SEKOLAH

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggedekkan jawatan-jawatan penyelia petang di sekolah-sekolah memandangkan tugas mereka lebih berat daripada guru biasa. Adakah menetapkan Guru Penolong Kanan di sekolah-sekolah pada sebelah pagi itu dilakukan oleh setengah Guru-guru Besar dengan arahan bertulis dari Kementerian atau Pengarah Pelajaran.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang bercadang untuk mewujudkan jawatan penyelia petang/pagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi dan perkara ini telahpun diperuntukkan dalam perkiraan guru melalui pindaan Pekeliling Pentadbiran 3/67 yang mana pelaksanaannya dijalankan berperingkat-peringkat oleh kerana keadaan ekonomi negara. Kajian-kajian juga sedang dibuat untuk menggedekkan jawatan-jawatan penyelia petang tersebut kepada gred yang bersesuaian dengan gred sesebuah sekolah. Kementerian Pelajaran tidak menetapkan bahawa Guru Penolong Kanan semestinya bertugas di sebelah pagi sahaja, ini terpulanglah atas budibicara Guru Besar sebagai penadbir di sekolah-sekolah berkenaan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar atau tidak Penyelia-penyelia Sekolah di Sabah rendah pangkat daripada rakan sejawat mereka di Semenanjung dan Sarawak.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Ini akan kita siasat dahulu.

PAJAK GADAI CARA ISLAM

9. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Pajak Gadai Cara Islam di seluruh negara seperti yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Kerajaan sedang mengkaji dari aspek undang-undang dan aspek pelaksanaan di atas usaha-usaha untuk mewujudkan institusi Al-Rahan ataupun pajak gadai yang berasaskan Islam.

Suka saya menjelaskan bahawa perkara ini ada kaitan dengan Undang-undang Pajak Gadai yang sedia ada sekarang dan dengan sebab itu sebelum institusi Al-Rahan dapat dilanjutkan maka kajian yang teliti perlu dijalankan. Oleh kerana institusi Al-Rahan mempunyai unsur-unsur perniagaan dan kebajikan maka aspek-aspek yang begini perlu diberi perhatian terutamanya untuk kebaikan orang-orang Islam dan masyarakat Malaysia amnya.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah sekiranya rancangan pajak gadai Islam ini akan ditubuhkan di Malaysia ini maka pajak gadai yang ada sekarang ini akan dihapuskan ataupun akan diubahsuai.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, yang kita fikirkan sekarang ini ialah mewujudkan pajak gadai Islam.

PERMIT LORI BUMIPUTERA

10. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerinya sedar kebanyakan permit-permit lori Bumiputera dialibabakan. Jika sedar adakah Kementerinya bercadang menarik balik permit-permit ini dan menyerahkannya kepada pengusaha lori Bumiputera tulen.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa adanya permit-permit lori sama ada lori A ataupun lori C yang dikeluarkan kepada Bumiputera yang telah dialibabakan, ataupun dipajakkan kepada orang lain. Walau bagaimanapun, tidaklah dapat saya menyatakan sama ada "kebanyakan" permit-permit lori tersebut telah dialibabakan kerana tidak ada bukti-bukti yang sah tentang setiap kes yang berlaku. Sungguhpun begitu, Kementerian saya dan juga dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan memang sentiasa mengawasi kes-kes seperti ini. Siasatan-siasatan memang ada dijalankan dari masa ke semasa untuk membenteras kegiatan ini dan sekiranya benar-benar terbukti bahawa ada di antara permit-permit lori tersebut telah dialibabakan atau dipajakkan maka tindakan untuk membatalkan permit-permit berkenaan akan diambil.

Adalah juga menjadi dasar pihak Lembaga Pelesenan dan juga Kementerian saya untuk mengeluarkan permit kepada pemohon-pemohon Bumiputera yang benar-benar akan mengusahakan sendiri perusahaan lori mereka. Permohonan bolehlah dikemukakan kepada pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya dan antara syarat-syarat perlu dipenuhi ialah pemohon-pemohon mesti membuktikan yang mereka benar-benar akan menjalankan perniagaan lori dengan menunjukkan bukti pasaran, punca modal, serta keupayaan berniaga perusahaan lori.

TANAH DI SARAWAK— PENGUNAAN

11. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang positif diambil oleh Kerajaan dalam menggunakan secara intensif tanah di Sarawak yang sesuai untuk pertanian tetapi pernah digunakan untuk pertanian (kira-kira 90% dari kawasan diusahakan) di mana penanam telah digilirkan mengikut pusingan tiap-tiap lima tahun atau lebih (25% daripada 12.3 juta hektar tanah di Sarawak adalah sesuai untuk pertanian dan seluas 0.3 juta hektar masih belum diusahakan). Jika tidak, mengapa; dan
- (b) apakah langkah-langkah seterusnya yang dirancangan demi mengusahakan tanah seluas 0.3 juta hektar itu. Jika tidak ada rancangan, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan dalam mengusahakan dan menggunakan secara intensif tanah di Sarawak yang sesuai untuk pertanian adalah seperti berikut:

- (1) menggalakkan "inter cropping" (tanaman selingan) supaya tanah sentiasa diusahakan.
- (2) menggalak penanaman tanaman kontan dan lain-lain tanaman jangka pendek yang mempunyai pasaran dan harga yang baik;
- (3) menyediakan khidmat-khidmat sokongan dan bantuan input dan cara-cara pengurusan ladang moden seperti ladang berkelompok dan sebagainya.

Bagi tanah-tuah yang sesuai untuk pertanian tetapi belum diusahakan, Kerajaan Negeri Sarawak sedang menyediakan rancangan untuk membangun dan memajukan kawasan-kawasan tanah berkenaan secara berperingkat-peringkat. Rancangan pembangunan ini akan dikendalikan oleh agensi-agensi kemajuan tanah di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

KEMASUKAN PENUNTUT MALAYSIA KE INSTITUSI PELAJARAN DI AUSTRALIA

13. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa sejak Kerajaan Australia menguatkuasakan sekatan atas kemasukan penuntut-penuntut Malaysia ke institusi-institusi pelajaran di Australia, ramai penuntut yang berkecualan di bawah sistem lama untuk mempelajari di Australia telapun dinafikan kesempatan pelajaran di Australia dan jika ya, nyatakan:

- (a) adakah Kerajaan membuat sebarang perwakilan kepada Jawatankuasa Mengenai Penuntut-penuntut di Seberang Laut (Committee Overseas Students) yang baru-baru ini berada di sini, atau kepada Perdana Menteri Australia atas perasaan kesal yang amat sangat rakyat negara ini terhadap sistem quota ini; dan
- (b) adakah Kementerian mengambil langkah untuk mewujudkan tempat-tempat yang cukup di dalam enam Universiti kita ini atau jika perlu dengan penubuhan universiti-universiti tambahan, supaya menjelang tahun yang dimatlamatkan, semua graduan-graduan universiti akan mempunyai pilihan mempelajari di tempat-tempat mana yang mereka sukai oleh kerana ramai terpaksa ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran disebabkan kekurangan tempat di universiti tempatan pada masa ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar bahawa ramai penuntut-penuntut Malaysia yang memenuhi syarat-syarat kelayakan di bawah kriteria lama yang ditentukan sendiri oleh pihak Australia telah dinafikan kesempatan untuk

melanjutkan pelajaran sekarang ini akibat tindakan Kerajaan Australia menguatkuasakan sekatan ke atas kemasukan penuntut-penuntut Malaysia. Sebagai usaha mengatasi kesan sekatan tersebut Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa tindakan seperti:

- (1) Kementerian Pelajaran telah mengemukakan satu memorandum kepada Committee of Review Private Overseas Students Policy dan meminta Kerajaan Australia mengkaji semula dasarnya mengenakan sekatan ke atas kemasukan pelajar-pelajar dari Malaysia.
- (2) Kementerian mengadakan perbincangan dengan Committee of Review Private Overseas Students Policy semasa lawatan mereka ke Malaysia baharu-baharu ini. Melalui perbincangan ini Kerajaan telah meminta Kerajaan Australia menyediakan sebanyak 3,500 tempat setahun bagi tahun-tahun akan datang berbanding dengan 1,640 tempat yang diberikan pada tahun kemasukan 1984. Pihak Kerajaan juga telah meminta bilangan sekatan bagi pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti tidak dikenakan seperti keadaan sekarang di mana hanya 25 tempat sahaja diperuntukkan kepada pelajar-pelajar anjuran Kerajaan dan 565 tempat kepada pelajar-pelajar persendirian.
- (3) Perkara ini telah juga dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke, semasa lawatan beliau ke Malaysia baharu-baharu ini; dan
- (4) Kementerian juga meminta usaha-usaha diteruskan melalui saluran diplomatik untuk menambahkan bilangan tempat kepada pelajar-pelajar Malaysia.

Kementerian ini sememangnya telah dan akan mengambil langkah mewujudkan lebih banyak tempat di universiti-universiti tempatan bagi menampung keperluan pelajaran

tinggi di dalam negeri. Ini dilakukan menerusi pembesaran program dan menambahkan bilangan kursus-kursus di universiti-universiti yang sedia ada dan penubuhan 2 buah kampus cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia di Sabah dan Universiti Pertanian di Sarawak.

Mengikut kajian Kementerian Pelajaran, jumlah tempat yang perlu disediakan pada masa hadapan ialah kira-kira 15% daripada jumlah lulusan Sijil Pelajaran Malaysia setiap tahun dan menjelang tahun 1995 jumlah tempat yang perlu disediakan ialah kira-kira 14,000 pelajar setahun.

Buat masa ini Kerajaan belum mempunyai rancangan untuk menubuhkan universiti-universiti tambahan daripada apa yang ada.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sama ada Kerajaan akan memberhentikan amalannya untuk menghantar pelajar-pelajar yang ditajanya ke Australia kerana dengan berbuat demikian peluang pelajar-pelajar persendirian kita yang tidak dapat tempat di universiti-universiti tempatan dan sebab itu mahu belajar di Australia tidak akan terjejas?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan belum ada lagi rancangan untuk memberhentikan penghantaran pelajar-pelajar anjuran Kerajaan ke Australia dan saya ingin menjelaskan walaupun kita berbuat demikian, ini tidak bermakna Kerajaan tidak memberi tempat atau berusaha untuk mencari tempat bagi pelajar-pelajar bukan tajaan Kerajaan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pelajaran ada menyatakan bahawa pihak Kerajaan ada berunding dengan ahli Committee on Overseas Students dan Perdana Menteri Australia, Mr Bob Hawke bila mereka melawati negara kita. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan menyatakan hasil daripada rundingan itu dan jikalau belum ada keputusan dari rundingan itu, adakah satu masa

peringkat akan ditetapkan untuk mendapat hasil atau keputusan dari rundingan itu?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kita telah dapat mengemukakan kepada pihak Kerajaan Australia kenapa kita memerlukan tempat-tempat tambahan bagi pelajar-pelajar kita pergi ke Australia. Ini untuk mengatasi anggapan yang sebelumnya oleh pihak di Australia di mana keputusannya dibuat secara mana mereka tidak memahami kenapa kita memerlukan tempat-tempat belajar dan seterusnya melaksanakan dasar yang menyekat jumlah-jumlah tempat yang kita perlukan di Australia.

PEJABAT POS BARU DI PEKAN ENKILILI

14. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak membina satu pejabat di pekan Engkilili, memandangkan ruangan yang digunakan sebagai pejabat pos ialah bilik dapur di Pejabat Daerah Engkilili.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Pejabat Pos Engkilili ditubuhkan di ruangan dapur Pejabat Daerah di pekan itu. Keluasan ruangan yang diduduki oleh Pejabat Pos ini adalah lebih kurang 195 kaki persegi. Memandangkan keluasannya yang amat terhad, Pejabat Pos ini tidaklah dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang lengkap dan tidak dapat menyediakan kaunter yang lebih baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan pejabat-pejabat pos baru adalah dibuat mengikut prioriti. Cadangan ini telahpun dimasukkan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat dan jika dipersetujui oleh semua pihak dan keadaan ekonomi mengizinkan, pembinaannya akan dibuat sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Yang Keempat.

KESESAKAN LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

15. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar iaitu keadaan lalu-lintas di jalanraya di Bandaraya Kuala Lumpur menjadi begitu sesak terutama pada mana-mana "peak hours" dan juga semasa berlaku pembetulan jalanraya oleh pihak JKR dan LLN, jika ya adakah beliau akan mengarahkan supaya pembetulan jalanraya dibuat pada waktu malam sebagaimana yang biasa dilakukan oleh negeri-negeri asing.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad:) Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar tentang kesesakan lalulintas yang berlaku di jalanraya di Kuala Lumpur terutamanya pada masa puncak. Untuk mengatasi serta mengurangkan masalah kesesakan lalulintas ini Kerajaan telahpun dan akan terus mengambil langkah-langkah berikut bagi tujuan tersebut:

- (1) Dengan cara pembinaan jejambat iaitu beberapa bulatan dan persimpangan-persimpangan di kawasan Bandaraya, misalnya Bulatan Jalan Pahang, Jalan Tun Razak, persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Tun Razak akan dibina semula untuk mengadakan jejambat. Projek-projek ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah masalah kewangan dapat diatasi.
- (2) Dengan melebar dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada. Oleh sebab pembangunan yang pesat khususnya kerana projek-projek keseluruhannya, beberapa jalan utama seperti Jalan Genting Kelang sentiasa sesak terutama pada masa puncak. Untuk menambahkan keupayaan jalan-jalan ini supaya pengaliran lalu-lintas dapat dilicinkan, jalan-jalan ini akan dilebarkan dan diperbaiki.

(3) Pelaksanaan sistem jalan sehalu—sebagai satu cara yang berkesan dan murah untuk mencapai tujuan pengaliran lalu-lintas yang licin di kawasan tempatan, sistem jalan sehalu akan dilaksanakan dari masa ke semasa di dalam kawasan yang menghadapi masalah kesesakan lalulintas jika didapati sesuai.

(4) Dengan memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan iaitu di beberapa jalan-jalan dua lorong. Di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur terdapat kenderaan berhenti untuk membelok ke kanan di persimpangan jalan masuk di kawasan perumahan yang menjadi satu halangan kepada pengaliran lalulintas. Pembaikan serta-merta secara melebarkan jalan di kawasan persimpangan untuk mengadakan satu lorong tambahan bagi tujuan membelok ke kanan di jalankan dari masa ke semasa.

Mengenai cadangan kerja-kerja yang berlaku di jalanraya supaya dibuat di waktu malam, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebenarnya telah meminta pihak-pihak tertentu seperti L.L.N., Jabatan Telekom dan Jabatan Bekalan Air menjalankan kerja-kerja penggalan yang melibatkan jalan-jalan utama pada waktu malam sahaja ataupun menggunakan cara lain seperti membina terowong dan sebagainya. Bagaimanapun beberapa perkara perlu dipertimbangkan mengenai cadangan supaya kerja-kerja memperbaiki jalanraya hanya pada waktu malam sahaja, ini termasuklah risiko bekerja pada waktu malam serta penggunaan tenaga elektrik dan bayaran yang mungkin bertambah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa tiap-tiap 4 tahun bertambahlah bilangan kereta 100% ataupun 125% dan langkah-langkah yang dicadangkan tadi kerana kekurangan kewangan tidak dapat dilaksanakan buat masa ini. Adakah Kementeriannya hendak menghadkan bilangan kereta yang

memasuki ke kawasan Wilayah Persekutuan sewaktu masa puncak ataupun menghadkan orang memiliki kereta?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa pertambahan dalam bilangan kereta melebihi daripada pertambahan penduduk di Wilayah Persekutuan. Tetapi sepertimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedar bahawa Kerajaan tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang boleh menampung kemahuan ataupun kehendak penduduk di Wilayah Persekutuan ini untuk memiliki kereta kerana kawasan yang terlibat untuk membina jalan amatlah terhad dan keupayaan jalan-jalan yang sedia ada ataupun jalan-jalan yang dibesarkan juga terhad untuk menampung kereta-kereta yang bertambah dari masa ke semasa.

Dari segi sama ada Kerajaan hendak menyekat pemilikan kereta, saya rasa ini merupakan satu perkara yang tidak dapat dilaksanakan secara tertumpu hanya kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan sahaja, kerana sudah tentu kalau kita menyekat Penduduk di Wilayah Persekutuan memiliki kereta, mereka akan mendaftar atau membeli kereta di Selangor ataupun di Perak dan juga akan memasuki ke kawasan Wilayah Persekutuan ini. Namun demikian Kerajaan di peringkat Kementerian saya ada menimbangkan beberapa cara yang mungkin dapat mengurangkan kesesakan lalu-lintas ini dengan cara mengenakan tekanan ke atas kegunaan kereta di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, tetapi sukalah saya menegaskan bahawa secara positifnya hendaklah kita menggalakkan lebih ramai daripada penduduk di Wilayah Persekutuan ini terutama yang bekerja di Bandaraya ini untuk menggunakan kemudahan-kemudahan pengangkutan awam ataupun lebih cenderung untuk berjalan kaki daripada menggunakan kereta mereka masing-masing di dalam keadaan yang sebenarnya tidak memerlukan sangat.

Walau bagaimanapun berbagai-bagai cara ini sedang dalam pertimbangan lagi dan apabila telah dapat diputuskan sama ada menasabah atau tidak rancangan-rancangan ini barulah Kerajaan akan melaksanakannya.

PENDUDUKAN TENTERA SOVIET DI AFGHANISTAN

16. Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad minta menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa tentera Soviet masih enggan mematuhi desakan negeri-negeri Islam supaya mereka keluar dari Afghanistan. Apakah sikap ini sebagai tindak balas Soviet terhadap Amerika yang menjadi pelindung kepada penduduk-penduduk haram Israel di Palestine. Apakah sikap kita dalam menghadapi kuasa-kuasa besar ini yang secara terus-menerus menyusahkan pemimpin-pemimpin Islam antarabangsa.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, mengikut aliran pemikiran daripada soalan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ianya membawa pengertian bahawa Soviet menghentam orang Islam di Afghanistan sebagai membalas dendam kepada perbuatan Amerika Syarikat menghentam orang Islam menggunakan Israel di Asia Barat. Soviet berlagu dengan Amerika Syarikat, orang Islam yang tersepit. Seperti kata pepatah, gajah berlagu rumput yang lunyai, tetapi jangan lupa, bila gajah berasmara, rumput juga lunyai. Soalnya mengapa orang Islam yang menjadi mangsa daripada berlagunya Soviet dengan Amerika Syarikat. Ini adalah disebabkan orang Islam tidak bersatu padu. Maka dengan sebab itulah kita Kerajaan Malaysia bekerja dan berusaha dengan sekuatkuatnya untuk membawa balik perpaduan Islam yang kita nampak retak.

Satu daripada hasil usaha kita itu ialah baliknya Mesir ke pangkuan OIC. Di sini terletak satu pelajaran yang patut kita sebagai rakyat Malaysia ambil iaitu kalau umat Islam berpecah maka musuh Islam akan mencelah. Sebab itulah kita sangat sedih

melihat di negara kita sendiri ini ada tokoh-tokoh parti dan komplot-komplot yang berunsur ugama membuat tohmah, tuduh menuduh, kafir meng-kafir yang hasilnya tidak lain hanya membawa perpecahan di antara orang Islam dengan orang Islam.

Marilah kita elakkan perbalahan sesama Islam dalam negara kita sendiri. Hanya melalui perpaduan Islam sahajalah baru dapat Soviet dan Israel yang dibantu oleh Amerika Syarikat diusir dari bumi Islam.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Menteri Luar Negeri kerana menyeru supaya orang Islam dalam segi perpaduan. Tetapi adakah Menteri Luar sedar bahawa pihak Amerika dan juga Soviet, Amerika ini kalau kita tahu kafir, Russia ini komunis adalah kafir. Tetapi mereka ini dari satu segi mereka mencari jalan untuk melaga, memecahkan orang Islam. Adakah Menteri Luar sedar hakikat pihak Amerika atau Russia matlamat mereka ialah hendak melagakan Islam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, hakikat musuh Islam memang hendak memecahkan Islam. Tetapi kita sebagai orang Islam bertanggungjawab supaya kita jangan berpecah belah.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Menteri Luar kita memberitahu Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam menyatukan umat-umat Islam di dunia ini. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah sedikit sebanyak hasil yang dicapai atas daya usaha pihak Kementerian Luar kita mengenai peperangan Teluk antara dua Kerajaan Islam Iraq dan Iran sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah satu daripada usaha Kerajaan kita sebagai satu Kerajaan Islam bahawa kita mesti mengambil berat berkenaan dengan persengketaan antara negara Islam dengan Islam dan

kita menyumbangkan usaha kita kepada Jawatankuasa pendamai OIC yang diketuai oleh President Sekou Toure.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 7, 12 dan 17 hingga 35 adalah diberi di bawah ini.)

PROJEK BARAT LAUT SELANGOR

3. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan berapa peratuskan Projek Barat Laut Selangor setakat ini telah dapat disiapkan, dan adakah dapat disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.

Tuan Luhat Wan: Sehingga akhir bulan Februari 1984 kemajuan pembinaan infrastruktur Projek Barat Laut Selangor telah siap 75% dan pembinaannya masih lagi mengikut jadual yang ditetapkan. Keseluruhannya projek ini dijangka akan disiapkan pada pertengahan tahun 1985.

HARGA IKAN AIR TAWAR

7. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pertanian menyatakan memandang bahawa harga ikan air masin melambung tinggi manakala harga ikan air tawar masih rendah dan kurang, permintaannya, adakah FAMA akan mengadakan kempen peringkat kebangsaan untuk menggalak rakyat Malaysia memakan ikan air tawar dengan mempopularkan cara-cara memasak ikan air tawar supaya permintaannya bertambah dan harganya munasabah.

Tuan Luhat Wan: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa mengadakan kempen untuk menarik para pengguna memakan ikan air tawar. Kempen-kempen dibuat sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui media-massa seperti

akhbar-akhbar atau RTM. Kempen pelancaran rasmi bermula pada 1hb Februari, 1983 di Mimaland. Kempen yang sedemikian akan diteruskan dari masa ke semasa.

PENEBAANGAN HUTAN

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan disebabkan kadar penebangan hutan semakin bertambah, dan mengikut perkiraan hutan-hutan kita akan pupus dalam masa 20 tahun sekiranya kadar penebangan sekarang diteruskan, apakah langkah-langkah Kerajaan mempunyai untuk memelihara hutan-hutan kita.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Siong): Kadar penebangan yang bertambah yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan adalah melibatkan hanya tanah Kerajaan yang dibuka bagi tujuan pembangunan pertanian. Bagi kawasan Hutan Simpan Kekal kadar penebangan adalah menepati kadar catuan tahunan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Berasaskan kajian oleh Jabatan Perhutanan ke atas bekalan dan permintaan kayu-kayan negara khususnya di Semenanjung Malaysia, yang menunjukkan akan berlaku kekurangan bekalan kayu dalam tahun 90an, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah memelihara hutan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara.

Kerajaan telah menubuhkan Hutan Simpan Kekal berjumlah 11.4 juta hektar di mana seluas 4.6 juta hektar terletak di Semenanjung, 3.4 juta hektar di Sarawak dan 3.4 juta hektar di Sabah. Bagi menjamin sumber hutan terus kekal dan terpelihara, "Sistem Pengurusan Berkekalan" telah diamalkan di kawasan hutan ini supaya dapat terus berfungsi sebagai hutan perlindungan, hutan pengeluaran dan hutan lipur.

Selaras dengan sumber perhutanan yang ada, Kerajaan telah bersetuju mengenakan catuan tebanan tahunan mengikut keperluan pemerosesan

dalam negeri dan pasaran luar negeri. Dengan cara ini sumber kayu-kayan akan dapat diijamatkan untuk jangka-masa yang lebih lama.

Kerajaan juga melalui Jabatan Perhutanan Negeri akan melipat gandakan usaha pemulihan kawasan hutan yang telah diusahahasilkan dalam Hutan Simpan Kekal supaya jumlah kawasan yang dipulihkan menyamai dengan keluasan tebanan tahunan.

Bagi mengatasi kemungkinan akan berlakunya kekurangan bekalan kayu-kayan dalam tahun 90an, Kerajaan telahpun melaksanakan perladangan hutan melalui projek Ladang Hutan Kompensatori di mana jenis kayu yang cepat membesar telah ditanam dan dijangka akan dapat diusahasil dalam tempoh 15 tahun.

Selain dari langkah-langkah di atas Kerajaan juga telah bersetuju untuk meningkatkan peranan penyelidikan perhutanan dan kayu-kayan dengan menjadikan Institut Penyelidikan Perhutanan Kepong sebagai sebuah badan berkanun. Sokongan penyelidikan yang kuat perlu dalam menentukan pengu-rusan hutan dan penanaman pokok-pokok dapat dijalankan dengan berkesan agar ianya akan terus terpelihara, dan kita memperoleh daya pengeluaran yang tinggi dari hutan kita.

INFLASI—KAWALAN HARGA

17. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal inflasi serta menahan harga-harga daripada terus meningkat memandangkan bayaran pengangkutan telah meningkat, harga minyak tanah pula telah meningkat dari 45 sen kepada 60 sen sebotol serta juga harga minyak masak telah meningkat dari \$1.40 sebotol kepada \$2.80.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberikan di Dewan Yang Mulia ini semasa saya menjawab soalan

yang hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Lumut pada 19hb Mac, 1984—Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

18. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut yang sedang belajar di luar negeri kini dan di manakah penuntut-penuntut ini dan di antara mereka berapakah ditanggung oleh Kerajaan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Untuk makluman Yang Berhormat Dato; jumlah penuntut Malaysia yang sedang belajar di luar negeri kini ialah seramai 52,015 dan mereka yang di bawah pembiayaan Kerajaan berjumlah 15,506 orang. Pelajar-pelajar ini menuntut di negara-negara seperti berikut:

United Kingdom	Belgium
Australia	Saudi Arabia
India	Bangladesh
U.S.A.	Thailand
New Zealand	Iraq
Taiwan	Switzerland
Canada	France
Mesir	Netherland
Singapura	Libya
Jepun	Austria
Indonesia	Sri Lanka
Jerman Barat	Kuwait
Filipina	Yugoslavia
Pakistan	Turkey
Hong Kong	Morocco
	Denmark

PROJEK DAYABUMI

19. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah kos yang ditanggung setakat ini untuk pembinaan Kompleks Dayabumi, kadar "occupancy"nya hasil yang diterima dari sewaan ruang untuk pejabat dan sebagainya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Saya telah menerangkan dengan panjang lebar di Dewan yang mulia ini pada 13hb Oktober, 1983, mengenai Projek Dayabumi yang mengandungi 7 fasa yang merentangi keluasan 20 ekar dan yang dijangka siap pada keseluruhannya pada penghujung tahun 1988.

Saya percaya apabila Ahli Yang Berhormat menyebut Projek Dayabumi, Ahli Yang Berhormat hanya mentafsirkan sebagai pembangunan Fasa 3 sahaja iaitu pembinaan blok menara dan podium yang dilaksanakan melalui "Single Package Contract" dalam mana pihak UDA menyediakan rekabentuk dan spesifikasi asas dan pihak pemborong bertanggungjawab terhadap menyediakan pula pelan terperinci yang mana selepas pelan tersebut disemak dan diluluskan oleh UDA, kerja-kerja pembinaan dilakukan. Harga tawaran yang diterima bagi Fasa 3 ialah \$313 juta. Jumlah ini termasuk \$20 juta sebagai peruntukan kos luar jangka dan \$31.7 juta sebagai kos utama. Sehingga akhir tahun 1983, \$219.8 juta telah dibayar.

Penyewaan ruang pejabat dan lain-lain dijangka akan bermula hanya pada Jun 1984 dan kadar "occupancy" di kompleks Dayabumi dijangka akan mencapai 100% pada akhir tahun 1984. Ruangniaga-ruangniaga dan ruang pejabat-ruang pejabat yang akan disewakan itu termasuklah untuk "supermarket", restoran bertaraf antarabangsa yang menghidangkan makanan India, Cina dan juga Melayu, restoran makanan segera, bank perdagangan, klinik, klinik pergigian, kedai-kedai jualan dan firma-firma yang ada hubungannya dengan "natural commodity".

Kadar-kadar sewaan yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis perniagaan ruang-ruang yang disewa. Bagi pasaraya umpamanya, kadar yang akan dikenakan ialah \$21.00/meter persegi (\$1.95/kaki persegi); bagi restoran antarabangsa kadarnya pula ialah \$27.00/meter persegi (\$2.50/kaki persegi); restoran makanan segera \$32.00/meter persegi (\$3.00/kaki persegi); bank \$54.00/meter persegi (\$5.00/kaki

persegi) dan kadar-kadar untuk lot-lot perniagaan pula ialah \$44.10/meter persegi (\$4.10/kaki persegi). Bagi ruang pejabat-ruang pejabat umum pula kadarnya ialah \$28.00/meter persegi (\$2.60/kaki persegi). Bayaran perkhidmatan sebanyak \$9.70 meter persegi juga dikenakan. Kadar-kadar yang ditetapkan di atas itu adalah kadar-kadar yang akan ditawarkan kepada Bumiputra dan bagi penyewa-penyewa bukan Bumiputra pula kadar-kadar itu dinaikkan sebanyak 10%. Kadar-kadar ini adalah dianggap sebagai kadar yang amat berpatutan ditinjau dari keadaan pasaran ruang-ruang sewaan sekarang ini.

Setakat ini sebanyak lebihkurang 3,000 borang telah dikeluarkan dan sebanyak lebihkurang 600 borang telah diterima dan sedang diproses oleh pihak pengurusan. Hasil kutipan sewa bulanan ruang pejabat, ruangniaga, kemudahan-kemudahan rekreasi, tempat letak kereta dan lain-lain dianggarkan berjumlah \$2.5 juta.

Pihak UDA masih menjalankan proses pemilihan penyewa-penyewa di Kompleks Dayabumi dan sehingga ini hanya penyewaan oleh Petronas sahaja telah ditentukan. Petronas telah bersetuju menyewa 46,427 meter persegi (506,477 kaki persegi). Ini merupakan 84.4% dari jumlah ruang sewa di Blok Menara projek Fasa 3.

MEMBACA DOA MEMULAKAN TUGAS

20. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan berdasarkan konsep penerapan Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan ke dalam etika kerja di negara ini, iaitu "MEMBACA DOA" sebelum memulakan tugas, di kalangan kakitangan Kerajaan, jika ya bilakah hendak dimulakan; jika tidak mengapa.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Etika kerja yang sedia digunakan oleh Perkhidmatan Awam pada hari ini memang telah sedia menetapkan "berpegang teguh kepada ajaran

agama" sebagai salah satu teras Perkhidmatan Awam. Ini ternyata dari Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang yang telah dikeluarkan dalam tahun 1979.

Perkara "membaca doa" sebelum memulakan tugas seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu cuma merupakan satu aspek zahir daripada penerapan dan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Amalan "membaca doa" itu haruslah dilakukan dalam konteks yang sesuai seperti dalam upacara mengisytiharkan pembukaan majlis-majlis tertentu atau perlancaran upacara-upacara penting. Ini sudahpun diamalkan oleh Kerajaan. Tetapi dalam memulakan tugas umpamanya pada waktu pagi, keperluan untuk menghimpunkan pegawai-pegawai dan kakitangan bagi tujuan itu pasti akan mengambil masa dan menimbulkan beberapa kesulitan bagi pejabat yang besar. Ini boleh menjejaskan perjalanan kerja harian itu sendiri.

Pendirian Kerajaan ialah jika satu-satu perhimpunan kakitangan dan pegawai sedia diadakan untuk tujuan-tujuan tertentu, maka upacara "membaca doa selamat" itu memanglah digalakkan. Pendirian ini sudahpun dilaksanakan sejak sekian lama dan tidaklah ada apa-apa peraturan baru yang diperlukan.

PENSWASTAAN DALAM SEKTOR AWAM

21. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan berapakah luas lingkungan penswastan sektor awam kini dan juga sejauh manakah Kerajaan hendak membuat sedemikian pada masa hadapan.

24. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Kerajaan memutus untuk melaksanakan konsep penswastan persyarikatan dan sama ada konsep ini telah diterima sepenuhnya oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berkenaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor (24) pada hari ini juga daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar.

Rancangan penswastaan ini meliputi keseluruhan kepentingan-kepentingan dan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang sesuai untuk dipindahkan ke sektor swasta. Ianya tidaklah terbatas kepada beberapa bidang yang baru sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dibuat secara berperingkat-peringkat dan memerlukan kajian-kajian yang mendalam supaya dapat mencapai matlamat yang dikehendaki. Pada keseluruhannya, bidang perkhidmatan yang penting sedang giat dikaji untuk diswastakan ialah bidang infrastruktur asas. Dalam industri penerbangan, langkah-langkah permulaan telah diambil untuk dipertimbangkan bagi menswastakan Depoh Baikpulih Kapal Terbang Tentera Udara Di Raja Malaysia (DEBKAT), dan lain-lain perkhidmatan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada masa-masa yang lepas, Kerajaan telah mengarahkan agensi-agensinya supaya mengkaji semula perkhidmatan-perkhidmatan mereka bagi tujuan penswastaan. Agensi-agensi selain daripada yang disebutkan tadi akan juga diminta mengemukakan cadangan-cadangan mereka.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat pelaksanaan dasar ini adalah berjalan secara berterusan dan Kerajaan akan membuat pengumuman mengenai perkhidmatan yang akan diswastakan dari masa ke semasa.

Mengenai pelaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia pula, usaha terus dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menerangkan dengan seluas-luasnya maksud dan implikasinya kepada kedua-dua pihak awam dan swasta.

Berdasarkan pengalaman dan maklumbalas yang diterima setakat ini, Kerajaan berpendapat konsep ini telah pun difahami oleh sebahagian besar masyarakat kita, dan telah diterima

bukan sahaja oleh Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, tetapi lebih-lebih lagi oleh sektor swasta.

Pihak Kerajaan telahpun memberikan penerangan-penerangan kepada Kementerian dan Jabatan mengenai penyertaan Konsep ini dan beberapa pertemuan telah dianjurkan di antara sektor swasta dan awam. Apa yang perlu ditekankan sekarang ialah bagi kedua-dua pihak awam dan swasta memikir dan merangka program-program yang lebih konkrit dalam berbagai-bagai bidang dan melaksanakan semangat bekerjasama antara kedua pihak awam dan swasta dengan jayanya.

Bagi memperkemaskan lagi tindakan-tindakan ini, Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Panel Perundangan dan Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia di semua Kementerian/Jabatan dan agensi-agensinya yang mempunyai hubungan langsung dengan sektor swasta.

PELAJAR MISKIN DI ASRAMA

22. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar pelajar-pelajar yang miskin daripada luar bandar Sabah yang tinggal di asrama-asrama tidak mampu membayar yuran asrama \$45.00 sebulan. Apakah sebabnya mereka masih dikehendaki membayar \$45.00 tiap-tiap seorang sebulan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kementerian saya memang menyedari terdapat pelajar-pelajar yang miskin daripada luar bandar Sabah yang tinggal di asrama-asrama dan tidak mampu membayar yuran asrama \$45.00 sebulan. Bayaran \$45.00 ini adalah dikenakan untuk bayaran makanan sebanyak \$1.50 sehari dan lain-lain penggunaan kemudahan yang ada di asrama. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah kos untuk makanan ialah \$4.00 sehari. Bagi pelajar-pelajar yang benar tidak mampu/miskin, mereka bolehlah memohon biasiswa kecil Persekutuan dan

bayaran yuran asrama sebanyak \$45.00 ini tidak akan dikenakan kepada mereka jika mereka berjaya.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG JURU ROBOH

23. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bangunan SRJK (T) Ladang Juru di Seberang Perai Tengah telah roboh akibat hujan lebat dan angin kencang buat beberapa tahun yang lalu dan pada masa sekarang, murid-murid sekolah ini terpaksa menggunakan sebuah kuil Hindu yang berhampiran sebagai bilik darjah dan apakah tindakan berkesan yang telah diambil untuk membina semua sekolah ini agar muri-murid akan dapat belajar di bilik darjah yang lebih sesuai dan sempurna.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kementerian Pelajaran menyedari yang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Juru di Seberang Perai Tengah telah roboh akibat hujan lebat dan angin kencang pada 3hb Julai 1982 yang lalu. Kementerian Pelajaran sedang mengambil tindakan untuk membina semula sekolah tersebut. Pihak Ladang telahpun ber-setuju memberikan tapak sekolah kepada Kementerian Pelajaran dan penyerahan tapak ini sedang dalam proses. Projek ini akan dilaksanakan sebaik-baik sahaja penyerahan tapak itu selesai.

PETRONAS—MINYAK MENTAH KE SINGAPURA

25. Tuan Haji Hassan bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah PETRONAS masih menghantar minyak mentahnya ke Singapura untuk diproses menjadi minyak tanah, gas petroleum cecair (LPG) dan diesel untuk kegunaan dalam negeri dan apakah kilang penapis minyak di Kerteh tidak menguntungkan untuk memproses minyak mentah ini kalau dibandingkan dengan di Singapura.

Datuk Dr James P. Ongkili: PETRONAS masih memproses minyak mentahnya di Singapura dan sebahagian daripada bahan-bahan ini dibawa balik bagi memenuhi keperluan penggunaan tempatan.

Kilang penapis minyak di Kerteh telah dibina untuk memenuhi permintaan bahan petroleum di Pantai Timur dan membantu mencapai hasrat negara mengembangkan kilang-kilang perindustrian ke seluruh negara. Kilang penapis ini, bersama-sama dengan prjek-projek yang berasaskan petroleum seperti projek Penggunaan Gas Semenanjung, iaitu Peninsular Gas Utilization, Fasa I dan Pengkalan Minyak Mentah Terengganu iaitu Terengganu Crude Oil Terminal atau TCOT, dan Kilang Memproses Gas iaitu Gas Processing Plant, akan bertindak sebagai daya penggerak atau "catalyst" untuk pembangunan dan kemajuan kawasan. Ianya akan membantu untuk mengembangkan industri-industri ke negeri-negeri yang miskin. Penduduk di Pantai Timur juga akan mendapat keuntungan dari segi peluang-peluang pekerjaan kemajuan kerjaya dan memperolehi kemahiran. Dengan mempunyai kilang penapis minyak tempatan ianya juga amat berguna semasa kecemasan.

Bagi PETRONAS, kilang penapis minyak adalah penting bagi menyediakan perhubungan yang penting iaitu melalui pertalian aktiviti-aktiviti yang merangkumi eksplorasi, pengeluaran minyak mentah, pemasaran dan juga pengedaran. Pemindahan teknologi juga akan diperolehi bukan sahaja di dalam mengelolakan kilang penapisan tetapi juga pada peringkat perencanaan. Kakitangan PETRONAS akan memperolehi pengalaman dan kemahiran yang sangat berharga dalam pengurusan projek. PETRONAS seterusnya akan lebih bersedia untuk menguruskan projek-projek yang lebih besar pada masa hadapan.

Kesemua ini perlulah ditanggung memandangkan kos untuk menapis setong minyak mentah di kilang penapis minyak di Kerteh pada masa ini adalah dianggarkan kira-kira M\$4.00 berbanding dengan kira-kira

\$2.00 untuk menapis setong minyak di Singapura. Walau bagaimanapun, kedua-dua angka ini tidak menggambarkan keadaan yang sebenar. Kos memproses di kilang-kilang penapisan di Singapura adalah rendah disebabkan kilang-kilang penapisan di situ dibina dengan perbelanjaan yang lebih murah beberapa tahun yang lepas. Kos pelaburannya adalah lebih rendah daripada kos untuk membina sebuah kilang penapisan pada hari ini. Kilang-kilang di Singapura juga kebanyakannya telahpun memperolehi semula kos pelaburannya. Walau bagaimanapun, kilang-kilang penapisan di Singapura juga mengalami persaingan yang semakin hebat dari kilang-kilang penapisan yang baru dibina di Indonesia, di Timur Tengah, dan mungkin juga di negara kita di satu masa kelak.

TELEFON DI PANTAI TIMUR— KEROSAKAN

26. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan sedar kerosakan-kerosakan telefon yang berlaku kerap kali khususnya di Pantai Timur dan amnya di Malaysia semasa musim hujan dan apakah langkah-langkah yang Kerajaan sedang ambil untuk melindungi kabel-kabel telefon.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Kementerian saya memang menyedari bahawa terdapat banyak aduan mengenai kerosakan telefon yang diterima khususnya dari negeri-negeri di Pantai Timur semasa musim hujan.

Kebanyakan kabel-kabel utama tiap-tiap kawasan dilindungi oleh sistem tekanan udara yang dapat menahan air dari meresap masuk. Namun begitu kemungkinan air dapat meresap masuk ke dalam kabel atau ditempat percantumannya apabila kabel-kabel tersebut agak lama terendam. Ini tidak dapat dielakkan memandangkan bahawa hampir semua kabel utama ditanam di dalam tanah.

Walaubagaimana pun, Kementerian saya melalui Jabatan Telekom sedang membuat penilaian untuk menggunakan kabel jenis "Fully Filled Cable" dengan izin, untuk kabel-kabel utama bagi jangkamasa panjang. Apabila kabel jenis baru ini digunakan dengan secara meluas nanti, kerosakan kerana diresapi air akan dapat dikurangkan ke paras minima.

PEMBELI RUMAH DIEKSPLORITASI DI SABAH

27. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar pembeli-pembeli rumah di Sabah dieksploritaskan oleh beberapa orang pemaju-pemaju perumahan; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteriannya untuk melindungi kepentingan pembeli-pembeli rumah di negeri tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya adalah sedar terhadap kegiatan-kegiatan tersebut. Walau bagaimanapun oleh kerana pemaju-pemaju di Sabah dan Sarawak tidak dilesenkan di bawah Kementerian maka perkara yang dibangkitkan ini adalah terkeluar dari bidangkuasa Kementerian.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR- SEREMBAN-KEMALANGAN/ KEMATIAN

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilangan kemalangan dan kematian yang telah berlaku setiap tahun dilebuhraya Kuala Lumpur-Seremban sejak ia dibuka dalam bulan Oktober, 1977, pungutan tol setiap tahun dan sebab-sebab mengapa lebuhraya "The Pride of Malaysian Highway" itu dalam tahun 1977 telah bertambah buruk menjadi "A Highway of Shame" dalam jangka masa lima tahun, penuh dengan kretakan "cave-ins' depressions" dan lubang-lubang serta nyatakan kos membaiki serta menyelenggara lebuhraya tersebut untuk tempoh lima tahun akan datang ini.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman bilangan kemalangan dan kematian yang berlaku di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban sejak ianya dibuka adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kemalangan	Bilangan Kematian
1977	124	22
1978	220	34
1979	227	17
1980	254	25
1981	275	22
1982	302	35
1983	303	34

Perolehan daripada pungutan tol sejak Julai 1982 ialah:

1982	...	\$6.28 juta
1983	...	\$12.33 juta

Berhubung dengan sebab-sebab kerosakan yang dialami oleh lebuhraya ini, sukacita saya jelaskan bahawa rekabentuk lebuhraya ini adalah berasaskan kepada had maksima berat berganda (maximum permitted axle load) yang diramalkan bagi tempoh usia rekabentuk (design life) selama 10 tahun. Tetapi oleh kerana bilangan kenderaan yang menggunakan lebuhraya ini bertambah lebih banyak daripada apa yang dijangkakan itu dan dengan muatan yang berlebihan, maka kerosakan di atas permukaan jalan seperti retakan dan lubang-lubang telah berlaku lebih awal dari usia rekabentuk itu.

Selain daripada itu, perkara "cave in" dan "depression" yang dialami oleh lebuhraya ini adalah kerana keadaan batu kapur di bawah permukaan tanah (subterranean limestone bedrock). Keruntuhan pada lubang-lubang (cavities) batu kapur menyebabkan tanah-tanah di atasnya mengalami penurunan dan seterusnya menyebabkan permukaan jalan tenggelam ke bawah.

Tindakan sedang giat dijalankan bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut. Kos memperbaiki kerosakan "cave in" tersebut ialah \$2.5 juta dan pemulihan muka jalan adalah \$17.0

juta. Bagi penyelenggaraan biasa pula dalam tempoh 5 tahun yang akan datang adalah seperti berikut:

1985	...	\$1.0 juta
1986	...	\$1.5 juta
1987	...	\$1.5 juta
1988	...	\$1.5 juta
1989	...	\$1.5 juta

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT

29. Tuan Quah Wee Liam minta Perdana Menteri menyatakan keputusan-keputusan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ke Amerika Syarikat dan terangkan faedah-faedah yang negara kita dapat dari lawatan itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pertanyaan ini telahpun dijawab di Dewan ini bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 13hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KELUAR NEGERI—PERBELANJAAN

30. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohomad minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian beliau bagi tahun 1982 dan 1983 bagi digunakan untuk lawatan ke luar negara kita. Sejauh manakah hasil lawatan itu boleh menguntungkan kita dari segi ekonomi, keselamatan dan kedaulatan atau maruah negara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Dalam tahun 1982 dan 1983, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat lawatan-lawatan rasmi ke beberapa buah negara. Di samping itu beberapa lawatan ke luar negeri yang lain telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri bagi menjalankan tugas-tugas rasmi tertentu.

Dalam rangka lawatan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bertemu dan berukar-tukar pendapat dengan para pemimpin negara-negara berkenaan tentang hubungan dua hala, isu-isu serantau dan antarabangsa. Dalam lawatan tersebut pemimpin-pemimpin kita itu telah mengambil kesempatan untuk menerangkan kepada pemimpin berkenaan tentang dasar dan pandangan Malaysia terhadap ASEAN, masalah-masalah Kampuchea, Asia Barat, Antartika, Kerjasama Selatan-selatan dan juga perlumbaan senjata nuklear.

Jika ditinjau dari segi ekonomi, lawatan-lawatan ini telah berjaya menarik minat pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara kita. Di samping itu mereka menyatakan kesanggupan bagi memberi bantuan dan kerjasama dalam bidang teknologi, pengalaman, kepakaran dan kemahiran teknikal untuk pembangunan ekonomi negara ini. Sambutan yang menggalakan juga diterima dari pihak pelabur-pelabur swasta negara-negara itu. Di samping itu peluang yang lebih luas untuk pelajar kita menuntut dan membuat latihan di negara-negara berkenaan telah juga dirundingkan.

Dari segi keselamatan pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan para pemimpin negara-negara tersebut telah memberi gambaran yang lebih jelas kepada mereka tentang pendirian Malaysia atas isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa. Negara-negara asing mulai menyedari dan mengiktiraf terhadap usaha sungguh-sungguh yang dibuat oleh Malaysia untuk tujuan ke arah keamanan dan kesejahteraan masyarakat antarabangsa sama ada secara individu ataupun sebagai anggota ASEAN.

Tegasnya, lawatan-lawatan tersebut di atas adalah amat berfaedah kepada Malaysia, sama ada ditinjau dari sudut ekonomi, keselamatan atau kedaulatan negara. Perbelanjaan yang terlibat bagi

lawatan-lawatan berkenaan dalam tahun 1982 dan 1983 adalah berjumlah kira-kira \$2.1 juta.

PEKERJA LOMBONG— PEMBERHENTIAN

31. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan pekerja lombong yang hilang pekerjaan pada 1982 dan 1983;
- (b) jumlah wang pampasan yang dituntut oleh mereka mengikut Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah penamatan dan Renti-Kerja Sementara) 1981; dan
- (c) bilangan kes perbicaraan dan jumlah wang yang belum dibayar oleh majikan berkaitan dengan tuntutan tersebut.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):

- (a) Tidak semua kes-kes pemberhentian kerja dilaporkan ke Kementerian Buruh, kerana undang-undang tidak memaksa mereka yang berkenaan berbuat demikian. Mengikut rekod Kementerian saya, seramai 4,480 orang dan 2,966 orang pekerja lombong telah hilang pekerjaan dalam tahun 1982 dan 1983 masing-masing:

Tahun 1982 ...	\$ 292,034.90
Tahun 1983 ...	\$3,553,293.52
- (b) Jumlah wang pampasan yang telah dituntut di bawah Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Renti-Kerja Sentara) 1981 adalah seperti berikut:
- (c) Semua kes tuntutan telah diselesaikan.

ELEKTRIK—TENAGA HIDRO PENJANAAN

32. Tuan Mohd Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar banyak kawasan di Sabah

terutamanya di kawasan pendalaman mempunyai potensi di dalam membekal kuasa haidro. Kalau sedar adakah sebarang kajian dibuat mengenai perkara ini dan juga bilakah Tenom Pangsi Hidro boleh digunakan sepenuhnya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya sedar bahawa banyak kawasan di Negeri Sabah terutamanya di kawasan pendalaman mempunyai potensi di dalam membekalkan tenaga hidro untuk penjanaaan elektrik. Walau bagaimanapun pembangunan tenaga hidro seperti juga pembangunan tenaga dari punca-punca yang lain akan dinilai dari segi sama ada ianya viable dan ekonomik atau sebaliknya dalam konteks pembangunan tenaga keseluruhan di Sabah.

Mengenai pelaksanaan projek Haidro Tenom Pangsi (Bukan Tenom Bangi) adalah dimaklumkan projek ini dijangkakan boleh digunakan sepenuhnya pada akhir bulan April 1984 ini.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN—PELAKSANAAN

33. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan maksud beliau dalam mengatakan bahawa “Kerajaan rela mengadakan perundingan dengan sesiapa mengenai Dasar Kebudayaan Nasional tetapi tidak akan melayan apa-apa kritikan; dimanakah pada hemai beliau, berakhirnya perundingan dan bermulanya kritikan mengenai dasar ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kerajaan sentiasa bersedia mengadakan perundingan bagi maksud mengenal-pasti dan mengolah pendekatan-pendekatan yang lebih berkesan ke arah pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Dengan demikian perundingan tidak seharusnya berakhir bahkan patut dilakukan sepanjang masa dengan semua pihak. Akan tetapi kerajaan tidak boleh menerima sebarang kritikan yang bertujuan mengubah Dasar yang sudah ada itu.

Tidak ada sebab mengapa Dasar tersebut patut dikritik atau dipinda kerana penggubalannya adalah berasaskan kepada berbagai-bagai pertimbangan serta rasional seperti yang telah dihuraikan berkali-kali pada masa dahulu di dalam dewan yang mulia ini. Kritikan membina bagi tujuan pelaksanaannya adalah sentiasa terbuka.

PETI SURAT DI TAMAN BUKIT MALURI

34. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa di kawasan seluas Taman Bukit Maluri “Kepong” peti-peti surat langsung tidak disediakan di situ, dan adakah mungkin mengadakan suatu pejabat pos di situ. Jika tidak, mengapa? apakah jenis perhatian itu.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Memandangkan Taman Bukit Maluri merupakan satu kawasan perumahan yang baru dan rumah-rumah di taman itu diduduki berperingkat-peringkat, maka peti surat belum lagi ditempatkan di taman itu. Kajian bagi mengadakan sebuah peti surat telah pun dijalankan dan peraturan bagi penempatannya sedang dijalankan. Walau bagaimanapun penyerahan surat-surat dari rumah ke rumah telahpun dijalankan sejak rumah-rumah itu diduduki.

Berkaitan dengan kemungkinan untuk mengadakan Pejabat Pos di Taman Bukit Maluri, dimaklumkan bahawa setakat ini Kementerian belum lagi mempunyai cadangan untuk menubuhkan pejabat pos di sini. Kedudukan Taman Bukit Maluri adalah lebih kurang 2 hingga 3 km. sahaja dari Pejabat Pos Kepong. Taman Bukit Maluri mendapat perkhidmatan pos dari Pejabat Pos Kepong. Walau bagaimanapun bagi memperbaiki perkhidmatan pos di Kepong, Kementerian telah merancang untuk menubuhkan pejabat pos di Taman Kepong Baru. Cadangan pembelian tapak untuk tujuan di atas telahpun dimasukkan di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan

Malaysia Keempat. Dengan cadangan menubuhkan sebuah pejabat pos di Taman Kepong Bharu itu bererti penduduk-penduduk di Taman Maluri akan mendapat perkhidmatan dari dua buah Pejabat Pos yang berdekatan iaitu Pejabat Pos Taman Kepong Bharu dan Pejabat Pos Kepong yang sedia ada itu.

PERBADANAN SESCO KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

35. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan telah menyelesaikan urusan pengambilan alih Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak (SESCO), berapa banyak wang yang diminta oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebagai pampasan dan berapa banyakkah wang pampasan yang Kerajaan Persekutuan bersedia membayar.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya Kerajaan Persekutuan bukanlah mengambilalih Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak atau SESCO dari Kerajaan Negeri sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya tindakan yang sedang diambil sekarang ini ialah untuk memindahkan SESCO dari Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Berhubung dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat itu ingin saya maklumkan bahawa setakat ini urusan pemindahan SESCO ini masih lagi belum selesai. Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Kewangan sedang mengadakan rundingan sewajarnya dengan Kerajaan Negeri bagi menentukan jumlah serta juga cara bayaran pampasan yang terlibat dengan urusan pemindahan ini sebelum ianya dapat dikuatkuasakan.

Memandangkan bahawa rundingan tersebut masih lagi sedang berjalan sekarang ini, maka jumlah pampasan yang terlibat belum dapat dipastikan lagi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1982 DAN 1983)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1982 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis (20hb Mac, 1984).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 36, B. 37 dan 40 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 21 dan P. 41 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—

Maksud P. 36, P. 37 P. 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat dari Kepong menyambung.

3.31 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, P. 36—Pusat Pemulihan Dadah Tampin. Tuan Pengerusi, pada tempoh hari telah diumumkan bahawa beberapa buah pusat Serenti yang lain akan didirikan di negara ini memandangkan kejayaan Pusat Pemulihan Penagih Dadah Tampin. Penggunaan istilah kejayaan adalah anih disebabkan ia amat bertentangan dengan pelbagai cerita keseksaan dan kekejaman di dalam pusat yang sama ini.

Pada pertengahan tahun lalu cerita-cerita ini telah lantang kedengaran apabila ramai daripada penghuni telah melarikan diri hingga ke stesen-stesen polis untuk mengelakkan kekejaman yang tidak tertahan. Ada di antara mereka yang rela mencederakan diri dengan memakan serpihan-serpihan kaca serta paku untuk dimasukkan ke dalam hospital dan bukan pusat yang sama itu.

Tuan Pengerusi, Pusat Serenti Tampin telah didirikan kononnya sebagai satu langkah untuk menyenangkan lagi proses pemulihan. Pusat yang menampung 1,000 orang penagih ini dikatakan menyediakan semua khidmat pemulihan yang terdiri daripada pengesanan pemulihan, runding cara dan pendidikan keagamaan serta moral. Nampaknya pemulihan atau rawatan yang diberikan telah berjaya mematahkan semangat (demoralise) penghuni-penghuni tersebut. Mungkin sebagai langkah pengesanan yang pertama, Kerajaan boleh menyasat dan mengenal pasti mengapa kedudukan yang sedemikian buruk dibenarkan wujud di dalam pusat-pusat ini? Adakah pusat ini terlalu besar 1,000 orang penghuni untuk membolehkan perlaksanaan prinsip-prinsip pemulihan yang benar? Adakah kakitangan di situ diberi latihan yang mencukupi serta wajar? Kemungkinan jawapannya adalah tidak. Pusat-pusat ini terlalu besar.

Memandangkan bahawa kekerasan serta kekejaman adalah jauh sekali daripada konsep rawatan dan pemulihan daripada diasingkan daripada masyarakat untuk dibimbing dan dirawat beberapa penghuni telah diseksa.

Tuan Pengerusi, Pusat Pemulihan di Tampoi setahu saya dijalankan dengan cara yang lebih sederhana dan saya berharap pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat meneliti dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengubah cara yang terlalu keras yang digunakan di Tampin. Saya sedar bahawa dengan cara melaksanakan disiplin ialah cara yang wajar untuk memulihkan penagih-penagih. Akan tetapi sekiranya

langkah-langkah yang digunakan terlalu keras, ini akan mengakibatkan kesan-kesan yang buruk ke atas penagih-penagih.

Tuan Pengerusi, dalam profile sistem ekonomi khas mengenai masalah dadah di Malaysia di dalam Laporan Ekonomi 1983/1984 telah dinyatakan bahawa penyekatan bekalan merupakan langkah utama bagi mengawal dan mencegah masalah dadah.

Saya bersetuju dengan kenyataan ini terutama sekali bekalan di dalam pusat-pusat itu sendiri Kerajaan telah banyak kali menafikan saranan-saranan pihak Pembangkang bahawa bekalan-bekalan ini cenderung wujud di dalam pusat-pusat ini juga apatah lagi di luarnya.

Baru-baru ini dakwaan-dakwaan demikian telah dibuat oleh bekas penghuni-penghuni Penjara Pudu sendiri di mana pengawal-pengawal juga dituduh bersama membekalkan dadah. Hakikat yang benar mesti diketahui dan diatasi. Jika dadah kini adalah merupakan musuh negara yang utama.

Tuan Pengerusi, prestasi Rancangan Pemulihan di Pusat Serenti Tampin mesti dinilai oleh pakar-pakar di dalam bidang ini dan bukan dilaungkan sebagai satu kejayaan oleh Kerajaan sebagai asas untuk mendirikan pusat-pusat demikian yang lain.

Sebagai langkah pertama, laporan penyiasatan ke dalam kejadian-kejadian di pusat ini mesti diumumkan terlebih dahulu.

Pada masa ini saya berharap apabila Pusat-pusat Serenti yang baru dibina di negara ini bilangan penghuni di dalam pusat ini terpaksa dikurangkan kepada bilangan yang saya fikir mungkin kalau tidak lebih daripada 200 orang penghuni itu lebih sesuai untuk melaksanakan rancangan pemulihan.

Satu perkara lagi mengenai Pusat Pemulihan iaitu mengenai penagih-penagih wanita. Walaupun Kerajaan telah mengumumkan bahawa pada tahun yang lepas satu Pusat Pertolongan Wanita di Kampung Bercham, Ipoh telah diambil alih oleh

Kerajaan. Saya tidak tahu setakat ini sama ada pusat ini telah diwartakan ataupun tidak. Walau bagaimanapun saya sendiri telah mengalami kesukahan untuk menghantar penagih-penagih wanita ke Pusat-pusat Pertolongan Wanita kerana ianya terlalu jauh. Kalau penagih-penagih wanita bermastautin di Wilayah Persekutuan, mereka ataupun keluarga mereka enggan menghantar ke Pusat yang jauh. Sebab itulah saya berharap pihak Kementerian dapat mengadakan banyak lagi Pusat Pertolongan Wanita terutamanya di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi B. 42 yang telahpun saya berkali-kali menyebutkan di Dewan yang mulia ini iaitu mengenai Orang-orang Asli yang merupakan maha-bumi-putera. Setakat ini pada pendapat saya usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mencukupi. Cuma baru-baru ini kita dengar 4,000 Orang Asli telah memeluk agama Islam.

Jadi, usaha ke atas agama ini adalah nampak. Akan tetapi dari segi pelajaran untuk Orang Asli itu tidak diperlihatkan dengan jelas. Saya pun telah membangkitkan mengenai rancangan untuk penswastan untuk mengswastakan projek-projek bagi Orang Asli. Di sini sekali lagi saya hendak menekankan bahawa yang penting sekali bagi Orang-orang Asli bukan penswastan, yang mustahak sekali ialah pelajaran. Bolehkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan banyak asrama dengan mutu yang tinggi dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap bagi mereka. Dari segi inilah usaha Kementeriannya hendak ditumpukan.

Dan satu lagi apabila Pusat-pusat Pengumpulan Orang Asli didapati di bawah tanah itu nampak ada bijeh atau apa sahaja logamnya, biasanya mereka ini dipindah ataupun diusir daripada kawasan itu. Jadi saya mencadangkan supaya semua Pusat-pusat Pengumpulan Orang Asli diwartakan supaya tidak ada pihak sama ada pihak Kerajaan Negeri atau pun pihak lain boleh mengusir mereka dan merampas hartanya.

Tuan Pengerusi, di sini saya berharap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa berwaspada ke atas kegiatan-kegiatan kakitangan di dalam Jabatan Orang Asli serta ahli-ahli saudagar yang terlibat dengan rancangan-rancangan bagi Orang Asli supaya perbuatan mengeksploitasikan Orang Asli ini tidak berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.50 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua

Tuan Pengerusi: Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat 1982 dan Tambahan Pertama 1983, berkenaan Kementerian Dalam Negeri iaitu No. 10 para (f)—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya dari Kepong. Sahabat saya ini rupanya orang pandai, tetapi keadaannya sahaja pandai, tidak mengerti yang sebenarnya, bukan bodoh, dia tidak mengerti, tetapi dia hendak bercakap.

Pengundi-pengundi saya terdiri daripada 4,000 orang Asli, di Jalan Cameron Highlands sudah disebutnya pada minggu yang sudah. Memanglah dasar Kerajaan hendak menerapkan Uagama Islam ini, orang-orang Asli yang tidak beragama itu telahpun dimasuki oleh pengembang-pengembang agama Kristian, tetapi di Batang Padang Kristian tidak masuk, tetapi di tempat-tempat lain dan baru-baru ini orang-orang Asli buat kata sahabat saya tadi 4,000 orang, bahkan lebih telah memeluk Uagama Islam. Oleh kerana Uagama Islam ini telah mula dihayati oleh orang Asli ini, diminta Kementerian Dalam Negeri ini supaya menyediakan kemudahan-kemudahan kepada mereka seperti surau. Kalau dapat biarlah mereka ini diberi pakaian, kain-kain percuma, begitu juga pegawai-pegawai orang Asli ini

hendaklah dicari pegawai-pegawai bahagian ugama, dilantik mubaligh-mubaligh orang Asli daripada Jabatan Orang Asli, bukan daripada Jabatan Ugama Negeri-negeri, barulah dapat tujuan yang asasi boleh dilaksanakan.

Berkenaan pelajaran memanglah saya puji Kementerian Dalam Negeri ini menjalankan hal ehwal Orang Asli ini sungguh-sungguh. Di Tapah terdapat sebuah asrama anak-anak orang Asli daripada Darjah I sampailah ke Tingkatan VI, di Batu 7, Jalan Cameron Highlands ada sebuah sekolah Orang Asli, dua lapis, basnya menunggu, dihantar kanak-kanak, ditunggu pula dengan bas JOA untuk membawa balik ke rumah. Begitulah layanan Kerajaan, saya tidak dapat hendak nafikan, itulah sebab saya katakan kalau hendak bercakap biarlah pandai atau betul-betul menge-tahui.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menyebutkan lagi berapa asrama yang ada lengkap dengan kemudahan-kemudahan, berapa buah sekolah yang ada di negara ini untuk Orang Asli?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi, Berkenaan mencari itu, biarlah beliau mencari sendiri, saya hendak cerita tempat saya, ertinya kalau itu sahah adanya asrama, ini dia sekolah, sekolah Batu 7, sekolah Batu 14, ini dia basnya, kalau hendak pastikan, sila datang ke tempat saya, jangan cakap dalam Dewan yang mulia ini, tetapi cakap awak tidak betul, maaf, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan kehidupan moden yang dikehendaknya, memanglah orang Asli ini rasa saya telah lebih pandai, bukan macam dahulu beri duit syiling 100, letak di depan muka dia, dia pun diam dan baliklah dan

ambillah petai itu. Sekarang mereka lebih pandai, dia tahu note \$1, \$5, \$100, \$1,000, mungkin Yang Berhormat dari Kepong tidak nampak duit \$1,000, tetapi Orang Asli sudah nampak, Jabatan Pertanian menghantar segala benih-benih pokok, pawahan lembu, kambing dan sebagainya. Tiap-tiap rumah di tiap-tiap kampung dibawa daripada hutan iaitu ada rumah jenis melati, pada masa dahulu harganya \$3,500 sebuah, lengkap dengan dapur, bilik dan sebagainya, tetapi tidak mencukupi, diharap Kementerian Dalam Negeri tolonglah mencukupkan di satu-satu kampung itu, kalau 10 tolonglah jadikan 20, beransur-ansur.

Tuan Pengerusi, berkenaan tanah disebutkannya dahulu pada 15-3-1984 oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong menyatakan tanah-tanah orang-orang Asli dicabuli oleh orang Melayu, mereka telah datang ke tempat itu dan Orang Asli telah menanam manggis, durian dan sebagainya, tanah-tanah ini dicabul oleh orang Melayu, dia kata tidak patut. Memanglah sebelum tahun 1974 orang-orang DAP inilah yang pergi menguasai Orang-orang Asli, sekarang orang DAP tidak boleh masuk, mereka ini telah diburuk-burukkan, walhal perkaranya sedikit, tanah orang Melayu ini, tanah rizab Asli ini telah diwarta dan digezetkan sebagai Tanah Simpanan Asli, maka tanah-tanah pinggir yang di luar-luar, di tepi-tepi jalan itu diberi kepada orang Melayu kerana orang Melayu itu lebih kurang macam Orang Asli itu juga. Mereka berkehendakkan tanah, jadi yang di tepi-tepi jalan itu diberi, adalah sedikit sebanyak pembayaran dan sebagainya, itu tidak selesa, maka timbullah sedikit perkara dan boleh diselesaikan dalam tempoh yang sekejap sahaja, tetapi pihak DAP ini memanglah hendak membangkit-bangkitkan perkara ini, yang sebenarnya kejadian ini sudah 5 tahun, sekarang sudah selesa.

Tuan Pengerusi, berkenaan Orang Asli ini juga dipohonkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri ini

supaya memberi keistimewaan-keistimewaan sedikit sebanyak yang mana mereka ini adalah terdiri daripada kaum yang sangat tinggi seni aslinya sama ada muziknya, kalau kita pakai muzik gitar rancak, dia main biola lagi, masih lagu asli, tetapi yang penting sekali ialah kraftangan asli. Kraftangan asli ini kita perkenalkan kepada seluruh negara ini lebih-lebih lagi khususnya kepada daerah Batang Padang sana, ada sebuah gerai di hutan Lipoh yang dibina oleh Jabatan Hutan. Kalau dapat satu daripada gerainya hendaklah dipenuhi dengan barang-barang yang diperbuat oleh Orang-orang Asli seperti anyaman tikar yang halus-halus, sumpitan, barang-barang yang untuk perhiasan rumah daripada batang-batang kayu yang indah-indah itu bolehlah dijual di gerai itu dan boleh membuat tempahan sesiapa yang lalu daripada Tapah ke Cameron Highlands supaya kita perkenalkan kraftangan orang Asli ini bukan sahaja penduduk di sini bahkan di luar negeri akan membelinya.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan tahun 1982 dan 1983. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Hulu Muda.

3.59 *ptg.*

Tuan Othman bin Abdul (Hulu Muda): Terima kasih, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Minta jangan cakap di atas prinsipel, bercakap di atas butir-butir perbelanjaan, duit yang hendak dibelanjakan bukan cara-cara hendak menjual kraftangan dan sebagainya, kerana duit itu telahpun dibelanjakan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit bagi Maksud B. 37 di bawah Polis Di Raja Malaysia di bawah Butiran-butiran 1200, 1300 dan 2700.

Sepertimana yang kita ketahui bahawa Polis Di Raja Malaysia ini adalah sebahagian daripada anggota

keselamatan yang mana ianya memerlukan sedikit sebanyak kemudahan-kemudahan yang perlu diberi oleh pihak Kerajaan. Apa yang saya difahamkan bahawa sebahagian daripada anggota-anggota polis, anggota keselamatan sekarang ini telah masuk bulan Mac, 1984 di mana sebahagian besar daripada mereka ini yang membuat tuntutan-tuntutan perjalanan masih lagi belum dibayar. Setengahnya mengatakan bahawa tuntutan-tuntutan perjalanan dalam tahun 1983 pun masih belum dijelaskan lagi. Ini adalah merupakan satu penghalangan bagi mereka untuk menambahkan lagi kegiatan-kegiatan dalam usaha untuk menjaga keselamatan negara.

Di bawah Butiran 2700 mengenai Bekalan dan Bahan-bahan, saya juga difahamkan bahawa sebahagian besar daripada anggota-anggota Polis ini telah tidak mendapat bekalan pakaian seragam yang mencukupi. Ada yang mengatakan bahawa mereka hanya menerima satu pasang kasut, satu helai seluar dan satu helai baju dan sebahagian yang lain mereka terpaksa membeli sendiri untuk keperluan mereka. Ada juga yang telah memberitahu bahawa peralatan-peralatan pejabat, kertas tulis, pen, pensil telah tidak mencukupi bagi kegunaan anggota-anggota ini. Keperluan pentadbiran ini sebahagian daripadanya telah dibeli sendiri oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menjamin perjalanan supaya ianya semua beres dan tidak tergendala kepada mana-mana peringkat.

Di dalam perkara lain saya ingin menyentuh mengenai keadaan keselamatan yang wujud pada masa ini. Sehingga bulan Mac, 1984 ini kita telah dengar seramai 3 orang anggota Polis telah mati ditembak oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan beberapa rompak bersenjata yang juga melibatkan pembunuhan orang-orang awam yang tidak berdosa. Saya khuatir dan sedang memikirkan dari manakah datangnya senjata-senjata moden automatik special ini yang diperolehi yang jatuh ke tangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya hendak meminta

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya dapat memikirkan jalan untuk menghalang kemasukan senjata-senjata ini. Saya yakin bahawa senjata-senjata ini boleh diperolehi dengan mudah dari sebuah negara jiran.

Dengan itu saya mencadangkan supaya pintu masuk-pintu masuk ke Malaysia ini daripada Perlis sehinggalah ke Kelantan supaya dikawal dengan rapi. Saya nampak suatu perjalanan lori-lori yang membawa ikan daripada negara jiran yang masuk ke negara kita telah tidak dikawal dengan rapi, yang terjadi hanyalah tong-tong ikan itu telah dipindahkan daripada lori-lori dari negara jiran itu dan dimasukkan ke lori Malaysia untuk dibawa masuk tanpa sebarang pemeriksaan yang rapi. Jadi ini adalah suatu jalan penyeludupan yang boleh dinyakinkan bahawa jalan inilah yang membawa masuk senjata-senjata ke negara kita daripada negara jiran itu.

Dengan itu saya menggesa pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil langkah-langkah yang sempurna dan sesuai supaya perkara ini dapat diatasi. Dahulu ada rancangan supaya ikan-ikan yang dibawa di negara jiran ini dipunggah dan diisi semula ke dalam tong-tong ikan di tempat-tempat pemindahan, tetapi nampaknya perkara ini telah tidak berlaku, telah tidak dibuat dengan sempurna. Jika sekiranya adalah senjata-senjata yang dibawa, senjata berbahaya ini dibawa masuk ke negara kita dan jatuh ke tangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab, yang menjadi mangsa ialah anggota-anggota keselamatan kita, orang-orang awam di negara kita ini.

Jadi sekali lagi saya mintalah supaya pihak Kementerian dapat memikirkan atau jalan yang sempurna agar kemasukan senjata ini dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan.

4.05 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengambil bahagian dalam

perbahasan atas Maksud B. 37, Polis Di Raja Malaysia di mana saya mendapat tahu bahawa tambahan sebanyak \$34,950,000 dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan bagi menemui pembayaran berbagai elau kakitangan, perkhidmatan dan bekalan makanan, bayaran utiliti, perhubungan dan pembelian alat-alat ganti serta minyak kenderaan.

Bercakap atas perkara Polis Di Raja Malaysia, khususnya berkenaan dengan perkara pentadbiran, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kepada prestasi kerja Cawangan Jenayah Perdagangan di Balai Polis Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa banyak kes-kes penipuan telah dilaporkan kepada Cawangan Jenayah Perdagangan di Balai Polis Kuala Lumpur, saya suka mengesyorkan di sini bahawa pihak Kementerian yang berkenaan haruslah menentukan bahawa lebih banyak Pegawai-pegawai Polis dapat ditugaskan di cawangan itu supaya ada cukup kakitangan untuk mengendalikan kes-kes penipuan yang telah disampaikan oleh orang ramai.

Baru-baru ini di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini terdapat banyak kes-kes penipuan perumahan di mana ramai pembeli-pembeli rumah telah ditipu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan pembeli-pembeli rumah itu telah dinasihatkan oleh Kementerian yang berkenaan, iaitu Kementerian Perumahan agar mereka dapat melaporkan kepada Polis memandangkan bahawa ini adalah satu kes di bawah Jenayah Perdagangan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa dari segi prestasi kerja saya berharap bahawa pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian tentang keperluan untuk menambah kakitangan dan supaya lebih banyak pegawai dapat ditugaskan ke cawangan itu supaya mereka dapat memainkan satu peranan yang

lebih aktif dan lebih giat dalam membentaras jenayah perdagangan, khususnya berkenaan dengan kes-kes yang melibatkan penipuan perumahan.

Di samping ini, suka saya bercakap atas tajuk yang sama berkenaan dengan kebajikan anggota-anggota Polis ketika menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan awam, khususnya saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada anggota-anggota Polis yang mengalami malapetaka ketika mereka menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan.

Misalnya baru-baru ini ada anggota-anggota Polis yang telah ditembak mati apabila anggota-anggota Polis yang berkenaan cuba untuk menangkap orang-orang yang melakukan jenayah dan akibat kejadian ini yang berlaku di kawasan saya, Ketua Polis Kuala Lumpur pun telah mengumumkan bahawa satu tabung ditubuh dan di samping itu telah juga merayu kepada orang ramai untuk menderma kepada tabung Allahyarham Konstabel Yassin. Saya berpendapat bahawa kes-kes seperti ini adalah kes yang penting dan mustahak dan rasa saya dari segi bercakap mengenai aspek kebalikan anggota-anggota Polis, saya berpendapat bahawa masa telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk menimbang menubuhkan misalnya satu tabung kebajikan untuk membantu keluarga anggota-anggota Polis yang pernah mengalami malapetaka. Dan saya juga suka mengesyorkan di sini bahawa apabila tabung kebajikan ini ditubuh maka pihak Kerajaan pun boleh menjemput pihak swasta untuk menderma ataupun memberi sumbangan kepada tabung itu dan apabila sesuatu malapetaka berlaku maka tabung itu dapat digunakan untuk membantu keluarga yang berkenaan. Itu ialah pendapat saya dan saya harap bahawa pihak Kementerian yang berkenaan khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil perhatian tentang syor-syor yang telah disampaikan oleh saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

4.13 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Maksud P. 36, Kementerian Dalam Negeri, Butiran 2, Tajuk yang ketiga, Pusat Pemulihan Penagih Dadah di Sungai Petani.

Tuan Pengerusi, menurut peruntukan asal bagi projek ini ialah bernilai \$9.487 juta dan pada tahun 1983 tidak ada peruntukan diberikan kepada projek ini sehinggalah kepada akhir tahun di mana diperlukan \$2,850,000 bagi dapat membiayai secara langsung projek pemulihan dadah di Sungai Petani ini.

Oleh kerana projek ini agak penting bagi kawasan utara dan projek ini bukan merupakan projek yang baru, tetapi adalah projek yang telah lama dirancang dan memerlukan penyelesaian dan kelengkapan yang begitu penting diselesaikan, jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian sejauh manakah perancangan projek ini telah berjalan dan mengikut anggaran bilakah projek ini dapat selesai dan dapat digunakan sepenuhnya dan apakah kemudahan-kemudahan yang dapat disediakan supaya anggota-anggota pemulihan penagih dadah yang akan ditempatkan di situ kelak akan sempurna di dalam usaha pemulihannya dan juga mungkin mempunyai kemudahan-kemudahan lain di samping memberi apa-apa latihan ataupun bimbingan terhadap mereka. Saya harap pertanyaan yang saya kemukakan ini akan mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

4.15 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B. 27 supaya dapat Kementerian Pelajaran mendirikan semua sekolah-sekolah yang dijanjikan sama ada sekolah rendah dan menengah khususnya bagi kawasan luar bandar. Antara lain diharap semua padang-padang bola atau padang-padang permainan yang telah dibina

bangunan baru di atas padang tersebut supaya dapat diganti semula supaya kegiatan sukan dan lain-lain lagi untuk kesihatan kanak-kanak akan dapat diteruskan. Antara lain juga diharap supaya pihak Kementerian ini dapat mendirikan asrama-asrama yang telah dijanjikan ataupun dapat dilaksanakan asrama-asrama sama yang telah ditentukan yang mana telah ditangguh beberapa lama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya bercakap berhubung dengan Maksud B. 45 dan juga B. 46 iaitu Kementerian Penerangan supaya rancangan ini iaitu rancangan di Bukit Palong, Baling yang dijadualkan siap pada akhir tahun ini akan siap dan manakala siap boleh digunakan dengan sebetul. Dalam perkara penambahan ini kita berharap supaya kerja-kerja bagi melaksanakan usaha ini supaya dapat digunakan dengan sepenuhnya, jangan pula kita dengar manakala sudah pula tidak mendapat kesemua yang elok oleh kerana rancangan ini telah ber-puluh-puluh tahun tergendala.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, Maksud B. 60 iaitu Perkhidmatan Pos. Saya juga mengalu-alukan di atas pembinaan baru Pejabat Pos di Baling ini yang telah dirancangan tiga, empat tahun tetapi pada ketika ini belum lagi nampak, walaupun tapak telahpun disediakan. Mudah-mudahan dengan penambahan ini kita berharap satu bangunan baru dapat didirikan dengan baik.

Dengan ini saya menyokong penambahan ini.

4.17 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Pengerusi, saya bangun turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) dan saya akan menyentuh Maksud B. 5 dan B. 8 dan juga B. 33.

Tuan Pengerusi, dalam saya membahaskan butiran tersebut, sukalah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa timbulnya perbelanjaan tambahan yang digunakan

oleh Kementerian-kementerian adalah disebabkan oleh perancangan yang kurang baik dan rapi. Selagi kelemahan ini tidak dapat dibaiki maka sudah tentu banyak lagi peruntukan tambahan akan diperlukan di masa-masa akan datang. Sekiranya ini berlaku, sudah tentu wang digunakan untuk keperluan di luar jangka ini tidak akan dapat memberi kemanfaatan yang sempurna dan berkesan. Ini adalah disebabkan oleh perancangan yang bergopoh-gapah oleh kerana pelaksanaannya terpaksa dijalankan dalam masa yang singkat seperti saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, selain daripada kita mengadakan perancangan yang baik dan rapi, kita juga harus menentukan bahawa ia akan berjaya

Tuan Pengerusi: Maaf, Yang Berhormat bercakap di atas Kepala berapa?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: B. 5 dan B. 8 dan juga B. 33.

Tuan Pengerusi: B. 5?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Ya.

Tuan Pengerusi: Sekarang kita membincangkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. B. 5 tak ada, B. 8 pun tak ada.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Saya akan membincangkan selepas saya menekankan usul-usul yang saya mulakan di peringkat awal, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hanya boleh dibenarkan bercakap di atas Kepala-kepala dan Bekalan-bekalan yang telah saya kemukakan.

4.19 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sekejap tadi dan

saya suka juga merakamkan penghargaan saya terhadap pandangan-pandangan, sumbangan-sumbangan yang telah dihulurkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekejap tadi.

Yang Berhormat dari Kepong sekejap tadi membangkit soal kekejaman yang berlaku terhadap penghuni-penghuni di Pusat Serenti Tampin. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan tidak sekali-kali berniat apatah lagi melakukan kekerasan terhadap penghuni-penghuni kerana objektif Kerajaan ialah untuk memulih, bukan melakukan kekejaman atau kezaliman.

Kita ingin membawa mereka ke pangkuan masyarakat satu hari nanti. Itulah tujuan diwujudkan pusat-pusat pemulihan, khususnya Pusat Pemulihan Tampin. Apa yang kami laksanakan pada hari ini ialah mengetatkan soal disiplin, semoga fizik dan mentality penghuni-penghuni ini dapat diberi persediaan yang lengkapnya bagi menghadapi cabaran masa dan cabaran hidup mereka.

Tuan Pengerusi, kegiatan-kegiatan yang kami tumpukan di pusat-pusat pemulihan, khususnya Pusat Pemulihan Tampin ialah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek-aspek fizikal, mental, sosial dan vocational melalui latihan jasmani dan berkawat di samping bimbingan dan counselling, didikan sivik tatanegara. Semuanya ini merupakan satu latihan yang boleh membawa atau membimbing mereka ke arah suatu matlamat iaitu matlamat memulih mereka untuk menjadi salah seorang daripada ahli masyarakat biasa. Iaitu kita mahu mereka ini pulang ke pangkuan masyarakat dan diterima pula oleh masyarakat.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu, ialah soal yang berkaitan dengan orang-orang asli. Sebenarnya dalam soal ini banyak yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Padang di mana beliau telah menyangkal kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong

dan saya pun juga turut menyangkalnya. Kita melakukan apa jua terhadap pembaikan taraf hidup Orang-orang Asli, sebab Orang-orang Asli adalah rakyat Malaysia ini. Sebagai rakyat Malaysia adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi seluas-luasnya peluang bagi mereka mengecapi nikmat kemerdekaan negara ini.

Mengenai pelajaran, pihak Kerajaan telah memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pelajar-pelajar daripada kalangan orang asli menuntut ilmu daripada serendah-rendahnya ke setinggi-tingginya, sehingga ramai di antara mereka pada masa ini mempunyai ijazah. Jadi saya berharap Yang Berhormat dari Kepong memahami keadaan ini. Setengahnya daripada mereka

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Tuan Pengerusi: Dia minta jalan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Minta jalan? Yang Berhormat duduklah. Kalau saya beri peluang kepada Yang Berhormat, tentu sekali perdebatan kita akan berlanjutan, sebab Yang Berhormat mempunyai kenyataan yang tidak berasas.

Tuan Pengerusi, beliau juga menyentuh soal-soal yang berkaitan dengan rancangan penempatan semula Orang-orang Asli. Jadi, hari ini, Tuan Pengerusi, kita memohon peruntukan yang berjumlah \$3 juta. Apa dia tujuannya? \$1.879 juta diperlukan untuk mempertingkatkan taraf jalan daripada Lasah ke Port Kemar dan Dala bagi menyenangkan pegawai-pegawai kita membuat lawatan ke tempat-tempat tersebut untuk melihat sendiri rancangan-rancangan yang dilaksanakan di tempat-tempat yang sedia wujudnya RPS khususnya di tempat yang disebut sekejap tadi. Panjangnya jalan ini ialah 45 batu. Kita juga memperuntukkan \$0.967331 juta untuk kerja-kerja ukur, oleh Jurukur-jurukur Perunding bagi lima kawasan penempatan semula orang-orang asli.

Satunya kawasan penempatan semula Orang-orang Asli di Kemar iaitu di Perak, kedua di Bannu juga di Perak, ketiga di Betau iaitu di Pahang, yang keempat Betis iaitu di Kelantan, dan yang kelima Dala iaitu di Perak. Kami juga berusaha untuk membina rumah-rumah peserta rancangan RPS. Dan kami memohon sejumlah \$153,669.

Semua ini sekali adalah kenyataan, kenyataan yang mana jikalau Yang Berhormat itu meneliti maka apa-apa yang dibangkitkan ataupun apa-apa sahaja yang beliau hendak bangkitkan tentu sekali beliau tidak menyatakan sesuatu yang tidak mempunyai asas-asas sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Yang Berhormat dari Batang Padang telah menceritakan dengan panjang lebarnya bagaimana Kerajaan kita pada hari ini melaksanakan tugasnya terhadap pembaikan taraf hidup Orang-orang Asli. Beliau menyatakan bahawa pihak Kerajaan memberi layanan yang sepenuhnya kepada Orang-orang Asli dan saya mengucapkan -berbanyak-banyak terima kasih kepada beliau kerana kenyataannya itu merupakan kenyataan yang berasas.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda membangkitkan soal kemudahan kepada anggota-anggota Polis. Sukalah dinyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan tidak sekali-kali mengabaikan soal ini. Tetapi memandangkan keadaan kewangan yang ada pada hari ini maka kadangkala soal-soal yang kurang penting tidak diberi priority. Tetapi soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, merupakan soal yang mustahak, maka pada hemat saya, kalau wujud kes-kes sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, hanya wujud sebagai satu atau dua kes sahaja.

Walau bagaimanapun, pihak saya akan mengambil perhatian di atas pandangan dan kenyataan Yang Berhormat itu.

Mengenai peralatan pejabat, saya sendiri semasa melaksanakan lawatan ke kontinjen-kontinjen Polis di Balai-balai Polis, pernah menyuarakan kepada anggota-anggota Polis supaya melaksanakan amalan jimat cermat. Dan tidak sekali-kali melakukan pembaziran.

Ahli Yang Berhormat sekejap tadi membangkitkan soal stationery dan lain-lain. Saya pernah menyatakan kepada mereka, sekiranya kita mempunyai kertas yang semacam ini (menunjukkan sehelai kertas kepada Dewan) sehelai kertas bertulis yang sebelahnya bertulis dan sebelah lagi tidak bertulis maka hendaklah digunakan untuk draf-draf, di sebelah bahagian yang tidak bertulis. Tetapi bagi sesuatu yang penting, gunakanlah kertas putih yang bersih.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Ini salah satu langkah jimat-cermat di mana kita sendiri sebagai orang Islam sedar Tuhan berkata: *Innal mubazziriina kaanau ikhwanas syayatiin*. Ertinya orang yang membazir itu adalah saudara atau sahabat syaitan. Sudah tentu kita tidak mahu diri kita menjadi kawan atau sahabat syaitan. Jadi kita terpaksa melaksanakan tugas kita dengan secermat-cermatnya dari segi perbelanjaan dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar membangkitkan soal berkaitan dengan Cawangan Jenayah Perniagaan. Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Pegawai-pegawai Cawangan ini sebenarnya terdiri daripada mereka yang benar-benar terlatih. Kami menghantar mereka ke merata-rata ceruk negara dalam dunia ini untuk mendapat latihan bagi menghadapi cabaran masa.

Soal kebajikan anggota Polis, Ahli Yang Berhormat sendiri barangkali sedar bahawa apakala berlaku sesuatu yang tak diinginkan kepada anggota Polis terkorban semasa menjalankan tugas, maka pihak Kerajaan memberi kompensasi yang tertentu.

Cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai Tabung tadi, kalau tak silap saya pihak Polis pun sudah ada Tabung itu dan jika Ahli Yang Berhormat dan kawan-kawan Ahli Yang Berhormat ingin menderma silalah menderma pada Tabung yang telah wujud yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli dari Jerai membangkitkan soal Pusat Pemulihan Dadah Sungai Petani, saya sukalah menceritakan di sini, Tuan Pengerusi, dengan agak panjang sedikit untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Pusat pemulihan Dadah Sungai Petani adalah salah satu projek pembangunan bagi rawatan dan pemulihan dadah yang dirancang oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Projek ini merupakan satu institusi yang pertama direka khas bagi pemulihan seramai 300 orang penagih dadah.

Kompleks bangunan ini terletak dalam satu kawasan 20 ekar di Mukim Sungai Petani di daerah Kuala Muda, Kedah. Rekabentuk bangunan-bangunan serta bilik-biliknyanya adalah mengikut susun atur yang akan melicinkan perjalanan pentadbiran dan memperkukuhkan keselamatan, disiplin dan kegiatan-kegiatan yang lain.

Bangunan-bangunan yang terdapat di Pusat ini adalah satu blok pentadbiran dan perubatan, satu blok Dewan Serbaguna (gymnasium), 4 unit bengkel pertukangan, 14 unit asrama bagi muatan 300 orang penghuni, satu unit dapur dan dewan makan, satu unit surau untuk penghuni-penghuni Islam suatu masa nanti untuk menjalankan ibadatnya dan 169 unit rumah kakitangan.

Di antara itu kita juga menyediakan sebuah padang bola serta gelanggang-gelanggang permainan badminton, bola tampar, sepak takraw dan lain-lain bagi memberi peluang untuk mereka menjaga fizik mereka supaya lengkap bagi menghadapi cabaran masa apabila mereka keluar daripada Pusat Pemulihan itu nanti.

Peruntukan sejumlah \$2,530,000 telah pun diluluskan dan inilah peruntukan yang kita gunakan untuk menyiapkan bangunan itu. Semua bangunan sekarang telah siap dibina seperti mana yang dijadualkan. Bekalan api dan perkhidmatan telefon telah pun diurus dan dijangka tidak menghadapi apa-apa kesulitan, cuma yang menjadi masalah pada hari ini ialah bekalan air bagi kompleks ini. Ini ialah disebabkan kurang tekanan air di "JKR Water mains" yang menyalur dari Batu 3 Jalan Sungai Petani di Kuala Ketil, lebih kurang 1.5 batu jauhnya dari kawasan Pusat ini.

Walau bagaimanapun, pihak kami berharap supaya bekalan air ini dapat dilaksanakan dalam bulan Jun, 1984 nanti dan institusi ini boleh menerima penghuni-penghuni mulai bulan Julai, 1984.

Pusat ini juga, Tuan Pengerusi, akan mengadakan kemudahan penentuan detoxifikasi dan pemulihan. Kegiatan-kegiatan pemulihan adalah ditumpu kepada aspek fizikal, mental, sosial dan vokasional melalui latihan jasmani dan berkawad, bimbingan dan kounseling, didikan sivik dan tatanegara, bimbingan agama dan moral, rekreasi serta berbagai bidang latihan vokasional seperti motor mekanik, pertukangan kayu, jahitan dan lain-lain.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Kemudahan berlatih sambil bekerja juga akan diadakan dengan sumbangan daripada pihak swasta dari kawasan perusahaan yang berdekatan. Pusat ini akan memberi tumpuan kepada latihan vokasional bagi penagih-penagih dadah yang menganggur dan tidak mempunyai kemahiran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh secara detil satu persatu memandangkan kesuntukan masa. Saya hanya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sekejap tadi menyumbangkan fikiran

yang begitu berguna kepada kami bagi kami melaksanakan tugas dengan baik dan teratur.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$41,472,207 untuk Kepala B. 36, B. 37 dan B. 40 menjadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,909,207 untuk Maksud B. 36; \$34,950,000 untuk Maksud B. 37 dan \$2,613,000 untuk Maksud B. 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 21 dan \$10 dalam Maksud P. 41 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$3,500,610 yang disebutkan dalam Maksud P. 36; \$10 dalam Maksud P. 37; \$3,714,010 dalam Maksud P. 38; \$20 dalam Maksud P. 41; \$3,000,000 dalam Maksud P. 42 dan \$10 dalam Maksud P. 43 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 21 dan \$10 untuk Maksud P. 41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$3,500,610 untuk Maksud P. 36; \$10 untuk Maksud P. 37; \$3,714,010 untuk Maksud P. 38; \$20 untuk Maksud P. 41; 3,000,000 untuk Maksud P. 42 dan \$10 untuk Maksud P. 43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

Maksud B. 45 dan B. 46 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 46 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—

Maksud P. 47 (Anggaran Pembangunan (Tamb. (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Kepala Bekalan B. 45 dan B. 46 dan P. 48, Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,107,000 untuk Maksud B. 45 dan \$2,150,000 untuk Maksud B. 46 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,107,000 untuk Maksud B. 45 dan \$2,150,000 untuk Maksud B. 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 46 dan \$10 dalam Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 46 dan \$10 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

Maksud B. 56 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 49 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Kepala Bekalan B. 56 hingga dan Kepala P. 49 dan P. 56 di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,834,371 untuk Maksud B. 56 di bawah Kementerian Sains, Teknologi

dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,834,371 untuk Maksud B. 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 49 dan \$20 dalam Maksud P. 56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,000,000 untuk Maksud P. 49 dan \$20 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

Maksud B. 57 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 52 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—

Maksud P. 51, P. 52 dan P. 55 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Sekarang masalah Kepala B. 57 dan Kepala Pembangunan P. 52, P. 56 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk perbincangan.

Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad: (Bangun).

Tuan Pengerusi: Silakan.

4.46 ptg.

Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, P. 51 Kementerian Pengangkutan—Keretapi Tanah Melayu.

Di sini saya ingin membangkitkan bahawa baru-baru ini di dalam sebuah akhbar, Ketua Pengarah Keretapi telah membuat satu kenyataan bahawa landasan keretapi di negara kita ini sudah berumur hampir 100 tahun dan

tidak selamat untuk digunakan. Dalam kenyataan yang panjang lebar itu saya amat terkejut sekali apabila ada dalam fikiran Ketua Pengarah yang berkenaan seolah-olah menggambarkan bahawa landasan keretapi di antara Gemas ke Tumpat akan ditamatkan ataupun akan ditutup perkhidmatannya sekiranya landasan yang berkenaan tidak dibaiki segera dan tidak diberi bantuan oleh pihak Kerajaan kepada perkhidmatan keretapi untuk memperbaiki semula landasan keretapi yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, paling buruk kesannya sekiranya perkhidmatan keretapi ini ditutup, terutama sekali ialah bagi kawasan saya iaitu kawasan Tumpat di mana wujudnya bandar Tumpat hari ini adalah kerana wujudnya keretapi di mana Tumpat merupakan tempat bengkel keretapi yang wujud sejak lama. Dahulu Tumpat adalah merupakan satu bandar yang terkenal kerana Pelabuhanannya kerana Pengkalan Ikannya dan kerana keretapinya. Hari ini Pelabuhan sudah tidak dapat digunakan lagi. Pelabuhan Ikan pun sudah tidak dapat dimanfaatkan lagi disebabkan hakisan air, hakisan pantai, disebabkan oleh banjir, kuala sudah cetek. Jadi apabila keretapi ini perkhidmatannya sudah ditamatkan daripada Gemas hingga ke Tumpat maka bandar Tumpat sudah tidak mempunyai erti lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan di sini supaya pihak Kerajaan, pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah melihat perkhidmatan keretapi ini bukan dari segi kewangan tetapi yang lebih pentingnya dari segi kebajikan rakyat. Lebih-lebih lagi perkhidmatan keretapi ini mempunyai nilai-nilai emosi yang tertentu bagi rakyat di Malaysia ini. Sekiranya perkhidmatan ini ditamatkan, terutamanya di antara Gemas dengan Tumpat, ia boleh menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Lebih-lebih lagi hari ini pihak Kerajaan sedang berusaha untuk melaksanakan suatu rancangan pembangunan Kelantan Selatan. Dan sekiranya perkhidmatan ini diberhentikan maka sudah tentu menjejaskan rancangan pembangunan Kelantan Selatan ini.

Selain daripada itu, kita dapati di antara Tumpat dan ke Gua Musang terutamanya terdapat pekan-pekan, bandar-bandar kecil yang lahir secara tradisi disebabkan oleh perkhidmatan keretapi yang menjalankan perkhidmatannya daripada Tumpat ke Gua Musang. Sekiranya perkhidmatan keretapi ini ditutup maka sudah tentu menyusahkan dan menyebabkan orang ramai dalam keadaan yang susah kerana belum lagi ada jalanraya yang sempurna di perkampungan dan pekan-pekan yang saya sebutkan tadi. Dan jalan-jalan yang ada hari ini belum lagi dapat mengambilalih perkhidmatan keretapi yang dilaksanakan hari ini.

Dengan ini saya harap pihak Kementerian yang berkenaan dapat melihat perkara ini dan dapat mengambil satu sikap yang positif untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh keretapi. Negara kita adalah merupakan negara yang terkenal dari segi pembangunan di kawasan Asia ini tetapi amat anih sekali mengapa dari segi perkhidmatan keretapi kita kalah dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan Thailand.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi: Minta jawapan Yang Berhormat Menteri.

4.52 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat atas pandangan beliau tentang mustahaknya perkhidmatan keretapi khasnya dari Gemas ke Tumpat diteruskan dan tidak diberhentikan.

Saya sedar bahawa baharu-baharu ini Ketua Pengarah Perkhidmatan Keretapi telah membuat satu kenyataan tentang mustahaknya supaya landasan-landasan yang telah lama wujud diperbaiki oleh kerana dari segi keselamatan penumpang-penumpang jikalau tidak diperbaiki lagi malah barangkali boleh membawa kejadian

kejadian yang tidak diingini. Tetapi saya boleh menyatakan di sini, bahawa perkhidmatan keretapi tidak akan dihentikan jikalau tidak ada akibat yang buruk datang kepada penumpang-penumpangnya. Apa yang mustahak ialah supaya semua faktor diambil kira sebelum satu tindakan diambil.

Saya sedar bahawa memang perkhidmatan keretapi yang wujud sekarang ini tidak seperti negara-negara yang lebih moden, mengadakan kelengkapan-kelengkapan dan landasan yang moden. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat memang sedar bahawa gauge yang digunakan sekarang ini bukanlah standard gauge. Kementerian Pengangkutan ada rancangan supaya jikalau dapat peruntukan yang mencukupi untuk memodenkan keretapi, kami akan mengadakan standard gauge, dan dengan adanya kelengkapan-kelengkapan yang lebih moden lagi.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, faktor-faktor sosial dan sebagainya dan pembangunan yang dibangkitkan dalam ucapan beliau sebentar tadi saya telah catitkan di sini dan saya akan berunding dengan Ketua Pengarah Keretapi supaya mengambil kira faktor-faktor yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,412,784 untuk Maksud B. 57 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,412,784 untuk Maksud B. 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P. 52 dan \$10 dalam Maksud P. 56 dalam Anggaran

Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$31,480,030 yang disebutkan dalam Maksud P. 51; \$10 dalam Maksud P. 52 dan \$30 dalam Maksud P. 55 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P. 52 dan \$10 untuk Maksud P. 56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$31,840,030 untuk Maksud P. 51; \$10 untuk Maksud P. 52 dan \$30 untuk Maksud P. 55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 1), 1983.

Maksud B. 60 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepala Bekalan B. 60 dan Kepala Pembangunan P. 59 hingga P. 60 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sekarang terbuka untuk dibahas.

4.55 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan B. 60 berkenaan dengan Jabatan Telekom—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, memanglah tidak dinafikan bahawa sejak kita merdeka sehingga kini telah banyak kejayaan yang dapat dicapai dalam bidang membekalkan telefon kepada rakyat negeri ini. Akan tetapi masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna telefon ini nampaknya kian hari kian bertambah, semakin banyak telefon dibekalkan semakin banyak masalah yang timbul. Walau pun di Dewan ini sudah berkali-kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

tetapi nampaknya masalah ini seolah-olah tidak ada langkah-langkah yang berkesan telah diambil.

Jadi, asya ingin mengetahui apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan bahawa pengguna-pengguna telefon ini sungguh merasa keciwa, ini bukanlah kerana keadaan, tempat yang berjauhan. Kadang-kadang misalnya macam telefon saya sendiri, jauhnya rumah saya daripada Pekan Lenggong lebih kurang satu batu suku sahaja, kadang-kadang hendak bercakap daripada rumah ke pejabat parti di Lenggong itupun tidak dapat. Bukanlah jarang-jarang kali berlaku, boleh dikatakan tiap-tiap bulan, kadang-kadang sampai tiga empat hari keadaan itu masih tidak berubah.

Perkara seperti ini bukanlah saya mengada-adakan hendak membangkitkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya kita telah bangkitkan di dalam mesyuarat-mesyuarat di mana ada kesempatan berjumpa dengan Pegawai Telekom umpamanya dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya kita bangkitkan tetapi nampaknya keadaan itu tidak dapat hendak dibaiki seolah-olah kalau ibarat telefon seperti pesakit, seolah-olah tidak ada doktor pakar, tidak ada doktor di kawasan-kawasan yang boleh mengubati penyakit-penyakit ini. Ini yang mengecewakan rakyat sedangkan mereka terpaksa membayar sewanya pada tiap-tiap bulan. Jadi di manakah letaknya keadilan kita?

Di dalam memberikan perkhidmatan ini adakah kita berbangga dari segi kuantitinya di mana jumlah bilangan telefon sudah banyak bertambah tahun demi tahun kita dapat bekalkan kepada rakyat sedangkan dari segi kualitinya semakin banyak semakin lemah keadaannya.

Di sinilah timbulnya berbagai-bagai tandatanya di dalam fikiran rakyat, apakah kerana mutu-mutu atau bahan-bahan yang dipakai ini dari jenis yang kurang mutunya di mana sering kali rosak setelah dipasang dan sebagainya. Ataupun adakah kerana kurangnya tenaga pekerja di dalam memberikan

perkhidmatan kepada pengguna-pengguna telefon yang ada, ataupun barangkali kerana keupayaan yang sedia ada tidak boleh, misal kata keupayaan ada untuk 100 telefon tetapi pihak Kerajaan mampu melayani kehendak-kehendak pemohon-pemohon beri sampai 150 sedangkan yang 100 itupun tidak memuaskan tambah lagi 50 masalahnya lagi bertambah banyak.

Saya pernah menekankan, saya kata kita janganlah bernafsu besar, kalau kita tidak ada keupayaan biarlah kita menerima risiko apa pun juga daripada desakan ramai, kita kata di tempat ini tidak ada talian (lines) yang cukup hendak kita bekalkan telefon. Ini apabila permohonan dibuat diluluskan; bila bangkit masalah, dia kata masalah talian tidak cukup dan sebagainya dan bermacam-macam lagi.

Jadi saya berharaplah bagi masa-masa akan datang supaya perkara ini dikaji dengan serius, janganlah umpamanya dengar telinga kanan, keluar telinga kiri sahaja. Sebagai satu contoh misalnya, bukanlah kami Wakil Rakyat ini hendak menunjukkan besar, megah angkuh dan sebagainya; saya katakan kepada mereka di kampung-kampung ini, Wakil-wakil Rakyat ini macam Pejabat Kerajaan juga. Kadang-kadang ada perkara-perkara yang mustahak yang kita hendak berhubung dengan pihak Kerajaan dan sebagainya berkenaan masalah-masalah rakyat yang tidak sempat Wakil Rakyat hendak pergi berjumpa dengan pegawai-pegawai di peringkat negeri dan sebagainya kita gunakan telefon tetapi telefon kita pun tidak boleh dipakai, macam mana kita hendak buat hubungan terutamanya hubungan yang penting dan mustahak dengan hospital, polis dan lain-lain lagi.

Saya minta dengan segala rendah diri kepada pegawai-pegawai Telekom di daerah ini hari-hari tolonglah check telefon kami, tolong tengok, tentulah dia ada alat-alat yang boleh mengesan sama ada telefon itu boleh dipakai atau tidak supaya pastikan telefon

Wakil Rakyat ini boleh dipakai tiap-tiap hari. Jadi di dalam kawasan saya sekurang-kurangnya kalau tidak boleh hendak beri banyak, tidak cukup orang, seorang Ahli Parlimen dan dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri sahaja. Kawasan saya Parlimen Padang Rengas saya seorang sahaja pun tidak juga dibuat.

Jadi inilah kadang-kadang saya pun merasa bosan tetapi tidak bolehlah hendak buat kerana ludah ke langit timpa ke batang hidung sendiri. Jadi perkara ini terpaksa jugalah kita fikirkan bagaimana sebenarnya supaya masalah ini kita dapat kurangkan. Kalau hari ini saya katakan kita hendak telefon daripada pekan Gerik ke Keroh, kawasan Ahli Yang Berhormat dari Gerik lebih mudah dan lebih cepat kita pergi dengan kereta ke Keroh oleh sebab sudah banyak berlaku pegawai yang hendak berhubung dengan orang di Keroh, dia pergi ke Keroh dan balik; orang yang hendak berhubung dengan telefon belum dapat lagi, kawan ini sudah pergi dan balik, mungkin dua tiga kali balik ke Keroh-Gerik lebih cepat daripada menggunakan telefon.

Inilah salah satu faktor yang saya fikir menimbulkan rasa keciwa yang amat sangat di kalangan setengah-setengah pengguna telefon awam yang menyebabkan mereka bertindak di luar undang-undang. Bila dicuba tidak dapat dia meradang dan dia hempas telefon, telefon pun rosak. Bila telefon awam sudah rosak, kita beritahu kepada pegawai-pegawai, dia kata alat tukar ganti tidak ada. Maka telefon itu ada pada nama sahajalah dan telah berbulan-bulan tidak diganti. Jadi Wakil Rakyat hendak bercakap pun susah kerana dia ada kait-mengait, kita hendak kata pegawai ini tidak betul pun tidak boleh kerana rakyat sendiri yang bertindak di luar undang-undang, tetapi bagaimana kita hendak menahan tindakan mereka kalau 2-3, atau 4-5 kali hendak pakai tidak dapat; tahulah setengah-setengah orang itu dipengaruhi oleh nafsu amarahnya lalu telefon dihempasnya langsung pecah dan remuk. Jadi

Kerajaan rugi, rakyat tidak dapat apa-apa faedah daripada perkhidmatan ini.

Saya tidak hendak menyalahkan sesiapa tetapi saya berharaplah bagi masa-masa akan datang jika faktor-faktor utamanya kerana kekurangan peruntukan maka patutlah Kementerian Kewangan bertimbangrasa kepada Kementerian ini supaya mereka dapat bekalkan alat-alat dan pegawai-pegawai yang cukup kerana mereka adalah sebagai salah satu faktor penting di dalam konteks sistem perhubungan kita. Jadi kalau sekiranya dapat diberi timbang rasa di atas permintaan oleh Kementerian ini, saya rasa masalah-masalah ini kalau pun tidak dapat diatasi kesalahannya bolehlah diletakkan kepada Kementerian ini. Tetapi kalau permintaannya banyak yang dipotong, susahlah kita hendak bercakap siapa yang salah, jadi semua kita salah. Jadi barangkali dengan langkah-langkah yang bertimbangrasa seperti ini saya harap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat kita akan dapat atasi sedikit demi sedikit. Dengan ini saya menyokong di atas peruntukan tambahan yang dipohonkan oleh Kementerian ini sebanyak \$109,600,000 itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.05 *ptg.*

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 59 Jabatan Telekom di bawah Butiran 1 Pembayaran kepada Telekom untuk Projek-projek Pembangunan.

Saya turut menyokong di atas peruntukan tambahan yang diminta sebanyak \$109,600,000 ini kerana izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang mana telah memberikan peruntukan pembangunan iaitu projek-projek menyediakan telefon awam di dalam kawasan saya sebanyak 10 buah kampung telah disediakan bagi tahun

1983 yang saya percaya di antara peruntukannya termasuklah peruntukan \$109,000,000 yang ditambahkan ini. Bagi pihak rakyat dan penduduk yang saya wakili merakamkan penghargaan menerusi Dewan yang mulia ini terhadap Jabatan Telekom dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 60 Jabatan Perkhidmatan Pos di bawah Butiran 1 yang mana peruntukan tambahan diminta sebanyak \$1,512,000. Yang ini saya dukacita baliik kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di mana projek untuk Pejabat Pos dan rumah kediaman yang dipohon peruntukan tambahan sebanyak \$1,512,000 ini pada mulanya saya menjangka termasuklah satu projek pembinaan Pejabat Pos dan rumah kediaman sekali bagi Pejabat Pos yang dirancang di pekan Guar Chempedak dalam kawasan saya. Rupa-rupanya baru-baru ini saya dapati yang projek ini terpaksa ditangguhkan pula, kononnya peruntukan yang disediakan itu telah tidak diberi peruntukan yang mencukupi.

Jadi saya berharap dalam Kajian Separuh Penggal ini tambahan baru mestilah disediakan supaya projek untuk menyediakan Pejabat Pos dan rumah kediaman baru bagi pekan Guar Chempedak ini dapat diadakan dan tidak lagi tertunggu-tunggu kerana projek ini telahpun beberapa tahun dirancang dan tanahnya pun telah selesai diambil, hanya untuk mendirikan bangunan dan menyelesaikan urusan pembangunannya sahaja. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.08 *ptg.*

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada 2 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan ber-sabit dengan Kementerian Tenaga,

Telekom dan Pos. Terutama sekali saya suka mengucapkan terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai yang telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada Jabatan Telekom. Ini memang kita hargai dan saya pun percaya pegawai-pegawai di Jabatan Telekom sendiri memandang dengan suka rasanya pendapat yang telah dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bersabit dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas iaitu dari segi masalah yang dihadapi oleh perkhidmatan telekom di negara ini, yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, Kerajaan memang sedar bahawa perkhidmatan telekom di negara kita ini bukan perkhidmatan yang memuaskan sepenuhnya. Tetapi walau bagaimanapun kalau dibandingkan dari segi keseluruhannya tidak juga kita dapat mengatakan keadaan di negara kita ini adalah sangat buruk kalau dibandingkan dengan negara-negara yang berjiran dengan kita ini. Walau bagaimanapun kita menerima bahawa masih ada kelemahan di segi mendapatkan perkhidmatan telekom di negara kita.

Satu dari asas punca kelemahan ini ialah seperti yang saya biasa terangkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali yang lepas bahawa pada satu ketika dahulu kita tidak memberi pandangan bahawa perkhidmatan telefon ini adalah satu perkhidmatan yang diberi keutamaan (priority) yang tinggi di masa-masa yang lepas.

Baru-baru ini terutama sekali bermula dari selepas kajian Rancangan Malaysia Ketiga, barulah perkhidmatan telekom diberi keutamaan yang tinggi dalam perancangan kemajuan negara. Tetapi masalah yang timbul ialah tunggakan-tunggakan perkhidmatan telefon yang dikehendaki dalam negara ini telah bertambah dan meningkat dan kita cuma hendak mengatasinya dan memasang banyak perkhidmatan-perkhidmatan dalam tempoh beberapa tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, dalam dua tahun mulai dari tahun 1982 dan khususnya juga tahun yang lepas

bahawa kita telah melihat dalam permohonan yang kita bahaskan sekarang ialah Jabatan Telekom memohon peruntukan tambahan \$109 juta lebih ialah untuk menambahkan projek-projek rangkaian telekom di negara kita ini yang diperlukan untuk memperbaiki sedikit-sebanyak kelemahan-kelemahan yang sudah ditentukan dan kita sedar juga, kalau kita mengikut rancangan atau cara dilaksanakan projek ini seperti yang biasa dibuat dahulu kemungkinan kita mencapai matlamat kita ini juga sukar hendak dicapai. Oleh itu, Kerajaan menetapkan bahawa secara mengendalikan projek ini secara sistem turn-key telah diluluskan dan sistem kontrak turn-key ini telah bermula dalam tahun yang lepas dan untuk mengendalikan kontrak yang besar-besar ini kita memerlukan bantuan pihak swasta secara terus. Jika perlaksanaan projek perkembangan yang kita telah dan sedang laksanakan sekarang dapat dicapai, kita berharap dalam masa-masa yang akan datang walaupun kita tidak dapat mengelakkan sama sekali kelemahan tetapi kita percaya dapat mengurangkan kelamahan yang ada sekarang.

Sukalah saya memberi penerangan bahawa Kementerian saya sendiri dan Kerajaan seterusnya memberi pandangan yang berat atas perkembangan dan kemajuan telekom dan kita percaya juga perlu kedudukan organisasi yang mengendalikan perkhidmatan telekom perlu juga diubahsuaikan dan saya percaya akan dapat memberi pengumuman dalam sedikit masa lagi dari segi bentuk tujuan Kerajaan dan polisi Kerajaan mengubahsuaikan organisasi Jabatan Telekom untuk masa hadapan kita. Dengan ucapan itu saya suka memberi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ucapan itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$11,887,600 untuk maksud B. 60 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,887,600 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$109,600,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 59 dan \$9,582,200 dalam Maksud P. 60 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$109,600,000 untuk Maksud P. 59 dan \$9,582,000 untuk Maksud P. 60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982—

Maksud P. 61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983—

Tuan Pengerusi: Sekarang Kepala P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982 dan P. 61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk Perbahasan.

5.15 ptg.

Tuan Kadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi pendapat dan mengemukakan beberapa cadangan berkaitan dengan Perkara P. 61 dan P. 62—Kementerian Kebajikan Masyarakat. Yang pertamanya, yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai bantuan yuran peperiksaan bagi murid-murid miskin yang tidak mampu menjelaskan yuran-yuran peperiksaan dan dibantu oleh Kementerian Masyarakat bagi murid-murid yang akan menghadapi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia dan Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku sekarang ini ialah Kementerian Kebajikan Masyarakat mengeluarkan yuran-yuran peperiksaan kepada murid-murid yang miskin yang tidak mampu untuk menjelaskan yuran peperiksaan-peperiksaan yang saya nyatakan tadi agak lewat sedikit, sedangkan pengutipan yuran-yuran peperiksaan SRP dilaksanakan dalam bulan Februari, kutipan yuran peperiksaan SPM/STPM dilaksanakan dalam bulan Mac pada tiap-tiap tahun. Pihak sekolah terpaksa mengikut arahan daripada Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri dan juga Kementerian Pelajaran berkaitan dengan pengutipan yuran-yuran peperiksaan tersebut. Jika terlewat masa pengutipan itu, maka akibatnya seseorang murid itu tidak dapat menduduki peperiksaan-peperiksaan yang berkenaan.

Oleh kerana terdapat murid-murid yang miskin, murid-murid yang tidak mampu untuk menjelaskan yuran peperiksaan dengan satu jangka masa yang ditetapkan dan jangka masa itu pula terlalu terhad bagi murid-murid miskin ini maka murid-murid ini kadangkala terpaksa berhutang di sana sini, terpaksa pula menghadapi berbagai-bagai kesulitan, kesukaran dan masalah bagi mendapat sejumlah wang untuk menjelaskan yuran-yuran peperiksaan. Kadangkala sehingga murid-murid tersebut disuruh balik oleh Guru-guru sekolah untuk beberapa kali demi untuk mendapatkan yuran peperiksaan itu. Oleh kerana Kementerian Kebajikan Masyarakat menyedari tentang wujudnya perilaku dan hal-hal tersebut maka Kementerian Kebajikan Masyarakat mengeluarkan peruntukan bagi membantu murid-murid yang miskin di dalam menyelesaikan masalah menjelaskan yuran peperiksaan mereka.

Terima kasih dan sanjungan diberikan kepada Kementerian ini dan saya berharap agar peruntukan seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa yang akan datang dan jangan diberhentikan. Tetapi masalahnya ialah cuma pengeluaran peruntukan tersebut agak lewat sedikit kadangkala

bulan Julai, bulan Ogos baru dikeluarkan. Maka dengan itu sukalah saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat ini membuat makluman kepada ibu bapa dan murid-murid yang miskin mengenai bantuan yuran peperiksaan yang hendak dikeluarkan itu. Makluman dimaklumkan awal-awal.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala berapa ini?

Tuan Khadri bin Sabran: P. 61.

Tuan Pengerusi: P. 61, apa tajuk dia?

Tuan Khadri bin Sabran: Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi: Tajuk kecil dia.

Tuan Khadri bin Sabran: Yuran-bantuan, yuran peperiksaan yang dikelolakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Yang keduanya, saya mencadangkan juga supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat ini mengeluarkan bantuan peperiksaan SRP/SPM/STPM pada masa ataupun di dalam jangka masa yuran itu diperlukan oleh sekolah-sekolah ataupun dalam jangka masa yuran itu diperlukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan juga Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, yang ketiganya saya beralih di bawah butiran yang sama di bawah Maksud P. 61 Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya beralih kepada Pusat Pemulihan Pengemis, Mersing ataupun yang pada masa ini di kenali sebagai Desa Bina Diri, Mersing. Ini satu-satu pusat yang ada di negara kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kena bercakap apa yang tertulis di sana sahaja, yang ada ini Asrama Akhlak Wilayah Persekutuan, Asrama

Akhlak Budak-budak Subang Jaya dan Selangor. Lain daripada itu Yang Berhormat tidak boleh sentuh kalau tidak ada di dalamnya.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.24 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tenggaroh di atas saranan yang dibuat oleh beliau sekejap tadi. Apa yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dicatat dan akan saya sampaikan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Jadi, oleh sebab yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat hanya tertumpu kepada tajuk ini sahaja maka saya sekali lagi mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pengesyoran yang bernas itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$343,420 yang disebutkan dalam Maksud P. 61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1983 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$343,420 untuk Maksud P. 61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Kepala Pembangunan P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1982 dan P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1983 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batu Pahat.

5.22 ptg.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat): Saya suka menyentuh P. 63 Kementerian Kerjaraya mengenai Lebuhraya Air Hitam/Tampoi. Menurut Laporan Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lebuhraya Air Hitam/Tampoi akan dilaksanakan pada awal tahun 1984. Saya berharap pelaksanaan lebuhraya ini dapat dilaksanakan dalam masa jangkaan tersebut kerana memandangkan lebuhraya ini sangat perlu kerana kesesakan lalu-lintas akibat kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalanraya sekarang ini terlalu banyak dan juga disebabkan oleh kerana Pelabuhan Pasir Gudang sedang dalam pembesaran. Maka jika sekiranya tidak ada lebuhraya ataupun jalanraya yang sesuai maka tidak mungkin Pelabuhan Pasir Gudang boleh berkembang.

Selain daripada itu disebabkan juga oleh kerana lebuhraya daripada Senai ke Tampoi setakat ini telahpun siap maka adalah perlu juga bagi pihak Kerajaan memikirkan supaya dapat disambung lebuhraya ini daripada Senai ke Air Hitam.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai saranan Menteri Kerjaraya untuk mengenakan tol di Lebuhraya Senai/Tampoi. Saya berpendapat ini tidaklah wajar memandangkan kerana hanya ada satu jalan sahaja daripada Senai ke Johor Bharu. Banyak Kenderaan-kenderaan yang menggunakan ini terpaksa menggunakan satu jalan sahaja dan tidak ada jalan lain. Penggunaan-penggunanya terdiri daripada bas-bas

sekolah, mereka-mereka yang bekerja di Johor Bharu yang diam di Senai dan juga pekerja-pekerja dari Johor Bharu yang bekerja di Pelabuhan Pasir Gudang ataupun di Singapura. Maka oleh sebab demikian mereka terpaksa membayar tol tiap-tiap hari mereka pulang balik bekerja, maka pada pendapat saya ini adalah tidak wajar dan memandangkan lebuhraya ini terlalu pendek setakat ini.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh mengenai perlaksanaan projek-projek JKR. Pada suatu masa ada sebuah masjid yang telah diluluskan peruntukan sebanyak \$45,000 tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kelewatan pihak JKR melaksanakannya menyebabkan peruntukan itu terpaksa ditambah menjadi \$90,000 kerana disebabkan oleh kenaikan barang-barang. Sekarang ini walaupun peruntukan itu telahpun ditambah menjadi \$90,000 dan kelulusannya telahpun diluluskan oleh Pegawai Kemajuan Negeri pada bulan Oktober untuk dilaksanakan oleh JKR tetapi setakat ini setelah hampir 6 bulan projek itu masih lagi belum dilaksanakan. Maka saya berharap pihak Kementerian mengambil satu tindakan yang segera supaya tidak lagi berulang di mana peruntukan tidak cukup disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang.

Saya berpendapat walaupun saya tidak boleh menyatakan dengan keseluruhannya tetapi pada pendapat saya banyak juga kerja-kerja JKR adalah boleh dikira terlalu tinggi. Saya suka mengambil contoh mengenai gerai-gerai buah-buah yang dibina di sepanjang tol lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur yang menelan harga sebanyak \$65,000 untuk setiap sebuah gerai iaitu dikira daripada jumlah \$1.8 juta untuk 28 gerai.

Adalah tidak menasabah sekiranya mereka untuk menjual buah-buahan terpaksa diberi tempat di sebuah gerai yang berharga \$65,000 ataupun lebih-kurang bayaran sebanyak \$500 belum dikenakan faedah setiap bulan. Kalau dikenakan faedah tentulah bayaran balik tentulah mungkin jadi \$1,000

setiap bulan dan ini adalah tidak sekali-kali wajar sekiranya mereka hanya mendapat hasil daripada jualan buah-buahan sahaja. Oleh sebab itu diharapkan pihak JKR pada masa akan datang memikirkan pelaksanaan projek yang lebih sesuai memandangkan dengan kos benefit yang boleh diperolehi daripada perbelanjaan begitu besar.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh mengenai peruntukan pelaksanaan paip air di luar-luar bandar, kerana pada masa ini banyak sangat kawasan-kawasan di luar bandar yang belum lagi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tolong sebut Butiran berapa dan tajuk.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Pengerusi, ini Kementerian Kerjaraya dan Butirannya tidak ada pada saya di sini.

Tuan Pengerusi: Kena sebut.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Saya cari tidak jumpa.

Tuan Pengerusi: Butiran berapa sebab di sini dia terhad—untuk catatan pegawai-pegawai kita.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tidak ada, Tuan Pengerusi—maaf.

Tuan Pengerusi: Air tidak ada, yang ada jalan dan lebuhraya.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Jadi kalau begitu, sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Hulu Muda.

5.32 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1983, Maksud P. 62, Kementerian Kerjaraya, Butiran 23—Lembaga Lebuhraya Malaysia (Projek.)

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan Kerajaan yang telahpun merancangkan pembinaan-pembinaan lebuhraya bagi seluruh negara. Saya menumpukan perbincangan saya ini pada perkara lebuhraya Alor Setar/Gurun. Saya telahpun mengemukakan satu soalan di dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb yang lalu dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Saya berasa dukacita kerana jawapan yang diberikan itu menunjukkan bahawa pihak Kementerian atau pihak Yang Berhormat Menteri telah tidak membuat kajian dengan teliti. Saya sebut perkara ini kerana ianya berlaku di kawasan saya, di hadapan saya sendiri mengenai pemberian kerja-kerja kepada pemborong-pemborong bumiputera tempatan.

Saya tahu bahawa lebuhraya ini telahpun diserahkan kepada pemborong daripada Taiwan, Ret-Ser Engineering, dan Syarikat Bumiputera yang dikatakan syarikat bumiputera itu ialah Syarikat Kerjaya, yang saya tahu bahawa hanya pengurus syarikat ini sahaja seorang bumiputera, malahan lain-lain anggota perkongsiannya adalah dikatakan tidak daripada kalangan orang-orang bumiputera. Jadi maksud saya di sini ialah mengapakah perkara ini boleh berlaku dan pihak Kementerian Kerjaraya mestilah membuat kajian dengan teliti kerana pemborong-pemborong tempatan selalu berjumpa dan meminta pertolongan daripada Wakil Rakyat, kepada saya sendiri untuk mereka ini mengambil bahagian di dalam usaha Kerajaan dalam pembinaan lebuhraya ini, sekurang-kurangnya mereka dapat sedikit hasil daripada pembangunan Kerajaan. Saya takut kalau-kalau perkara ini akan terjadi lagi, projek-projek yang kecil ataupun besar yang sanggup atau pemborong-pemborong tempatan mempunyai keupayaan untuk melaksanakannya mengapakah kita perlu untuk memberikan kepada pemborong-pemborong luar negeri, kalau sekiranya kita tidak mempunyai kepakaran dalam perkara ini, sekurang-kurangnya

30% hasrat Kerajaan untuk memberikan sedikit kepada bumiputera ataupun sekurang-kurangnya kepada pemborong tempatan itu sendiri, perlulah diawasi dan diminta supaya pihak Kementerian dapat mengambil perhatian di dalam perkara ini. Jadi hasrat Kerajaan sekurang-kurangnya untuk membolehkan transfer of technology, dengan izin, tidak akan terjadi kerana perkara ini yang saya lihat sendiri, kerja mengangkut tanah merah untuk menambun lebuhraya itu sendiri-pun dilakukan oleh pemborong induk iaitu Ret-ser Engineering. Ini kerja yang paling mudah, tidak memerlukan kepakaran dibuat sendiri oleh pemborong induk itu. Jadi bagaimanakah pihak Kementerian Kerjaraya yang menjawab bahawa perkara ini tidak berlaku sedangkan ini berlaku dan saya lihat tiap-tiap hari berlaku di kawasan saya.

Perkara yang kedua, Butiran 65, Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah (iii) Bekalan Air Kedah Tengah Selatan.

Tuan Pengerusi, suatu hal yang berlaku juga di kawasan saya di dalam bahagian Kedah Tengah di mana telah-pun dipasang paip-paip air ini bagi semua kampung boleh dikatakan pada tahun 1980 dahulu, sedangkan bekalan air untuk diberikan kepada kampung-kampung ini tidak difikirkan dari mana datangnya. Daripada tahun 1980, 1981, 1982, maka dalam tahun itu barulah dirancang sebuah pusat penapisan

Tuan Pengerusi: Kepala apa itu Yang Berhormat?

Tuan Othman bin Abdul: Butiran 65, Maksud P. 62 juga tadi di bawah Kementerian Kerjaraya. Butiran 65, Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah, muka surat 17.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Othman bin Abdul: Jadi pada tahun 1980 dipasang paip-paip kecil ke kampung-kampung, pada tahun 1982 barulah dirancang suatu pusat penapisan di kawasan saya di Bukit

Jenun dan pusat takungan di kawasan itu bagi menyalurkan air, jadi sekarang ini apa yang berlaku paip itu telahpun ditanam sehingga 4 tahun daripada tahun 1980 sehingga 1984 dan jangkaan pusat tapisan dan takungan ini hanya akan siap pada penghujung tahun 1984 ataupun awal tahun 1985. Ini suatu bentuk perancangan yang saya tidak boleh fikirkan cara mana dibuat, perlulah difikirkan dari manakah punca air itu boleh didapati dahulu, kemudiannya selepas daripada itu bolehlah kita memikirkan soal untuk menyampaikan air itu ke kampung-kampung yang boleh dipasang melalui projek-projek pada peringkat daerah dan peringkat negeri.

Saya memintalah pihak Kementerian Kerjaraya supaya dapat membuat penyelidikan yang sesuai kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi supaya ianya tidak akan menimbulkan masalah, orang tertanya-tanya bilakah bekalan kampung kami akan sampai airnya sedangkan pusat takungan belum siap, tetapi paip telahpun dipasang. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

5.36 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap juga Maksud P. 62 Kementerian Kerjaraya iaitu Butiran 136—Bangunan-bangunan Baru Kerajaan Negeri dan juga 182—Tempat Kediaman Rasmi.

Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian di atas perkara pembinaan rumah rihat baru iaitu di Baling yang mana bagi menggantikan rumah rehat yang ada sekarang ini yang begitu tidak ketara sekali, bukan sahaja kecil, tetapi didirikan di satu tapak yang tidak sesuai. Rancangan ini untuk mengadakan rancangan rumah rihat baru telahpun dirancang selama 5 tahun lalu, tetapi setakat hari ini belum lagi didirikan, sungguhpun tapak-tapaknya telahpun diadakan iaitu di atas Bukit Baling. tempat yang begitu sesuai sekali, yang mana peruntukan

telah dibuat sebanyak \$900,000. Saya harap pihak Kementerian dapat meneruskan usaha ini, oleh kerana keadaan Baling ini telahpun membangun, Baling juga telah maju keadaannya. Saya fikir sudah sesuaiilah pembinaan itu dapat diadakan segera untuk mengatasi masalah pelawat-pelawat yang juga peniaga-peniaga yang datang dari Baling, yang mana pada hari ini terpaksa menginap atau berhenti bukan di Baling bahkan pergi di Keroh ataupun di Sungai Petani. Jadi saya harap mudah-mudahan menerusi Dewan ini usaha ini dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerajaan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.39 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyetuh di bawah Maksud P. 63, di bawah Butiran 11—Jalanraya Timur-Barat di mana peruntukan tambahan yang dipohon sebanyak \$10 juta bagi tambahan tahun 1983.

Saya ingin mendapat penjelasan kerana peruntukan tambahan \$10 juta ini agak banyak jika dibandingkan dengan peruntukan asal \$114,224 juta sahaja tiba-tiba hendak ditambah lagi \$10 juta. Apakah sebabnya maka peruntukan tambahan ini diperlukan dan dibelanjakan, apakah ianya juga disebabkan kelalaian dalam perancangan yang mana menyebabkan terpaksa menambahkan peruntukan bagi menyelesaikan projek ataupun apakah kerana projek ini dibuat dengan begitu tidak bertanggungjawab dan telah berlaku kelewatan sehingga menaikkan kos yang memerlukan pertambahan sebanyak \$10 juta yang perlu kita luluskan.

Yang keduanya, saya ingin menyetuh di bawah Butiran 23, Lembaga Lebuhraya Malaysia iaitu tentang projek-projek yang memerlukan peruntukan sebagai pinjaman sebanyak \$40 juta. Apa yang saya hendak bangkitkan di dalam projek pembangunan lebuhraya ini sebenarnya saya juga

patut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan di mana adanya Lembaga Lebuhraya telah merancang pembangunan lebuhraya dan di antaranya melintasi di dalam kawasan saya.

Perkara yang menarik dan menjadi persoalan di dalam pembinaan lebuhraya ini ialah perancangan lebuhraya itu dibuat dan pihak pemborong yang menjalankan urusan pembinaan jalan itu hanya memikirkan untuk menyudahkan jalannya di dalam masa yang ditetapkan tanpa memikirkan apakah kesan-kesan yang berlaku disebabkan pembinaan lebuhraya ini. Misalnya apa yang telah berlaku dalam pembinaan lebuhraya yang berjalan daripada simpang Pekan Gua Chempedak ke Gurun melintasi kawasan-kawasan kebun getah dan menerusi bukit dan kawasan lurah yang mana terdapatnya pembinaan jalan ini telah menyekat satu tempat pengaliran air dan menyebabkan satu kawasan telah tenggelam dan berpuluh-puluh ekar sehingga beratus-ratus ekar kawasan getah terpaksa mati begitu sahaja disebabkan sekatan lebuhraya tadi tidak ada saluran air yang mengalir ke sana.

Yang keduanya, ada kedapatan di antaranya tempat bagi petani-petani miskin yang menggunakan tanah tapak untuk bercucuk tanam, bertanam sayur-sayuran dan sebagainya. Apabila berlakunya pembinaan lebuhraya ini juga telah membawa hakisan dan air yang tidak dapat lalu di tempat yang sepatutnya diadakan pembetongan dan sebagainya telah membawa musnahnya tempat itu daripada boleh bercucuk tanam bagi keluarga-keluarga miskin tadi.

Jadi saya harap pihak lebuhraya mengambil perhatian kerana saya percaya sudah ada surat-surat rayuan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan dan pernah salinan disampaikan kepada saya. Sehingga ini pihak-pihak yang berkenaan itu tidak mahu langsung mengambil perundingan ataupun memberi apa-apa perhatian terhadap masalah yang sedang dihadapi. Jadi saya berharap pihak Kementerian ini mengambil

tindakan segera supaya masalah yang menimbulkan masalah ini dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjuk minat atas kegiatan-kegiatan Kementerian saya.

Yang pertamanya, Yang Berhormat dari Batu Pahat yang telah meminta supaya Lebuhraya Ayer Hitam-Tampoi dapat dimulakan dalam tahun 1984 juga. Ini bagi pengetahuan Yang Berhormat adalah dalam perancangan dan menaiki perancangan yang ada pada masa ini tarikh belum lagi diubah.

Berkaitan dengan Tol Johor Bahru ke Senai, sungguhpun satu sahaja jalan yang dapat digunakan oleh pengguna-pengguna tetapi hendak ditolkan, ini adalah tidak bercanggah dengan dasar baru pihak Kerajaan di mana walaupun satu jalan sahaja dapat dibekalkan kepada pengguna, masih lagi dapat ataupun membolehkan Kerajaan mengotakan. Memang di masa-masa dahulu tol tidak dikenakan kalaulah cuma satu jalan sahaja yang ada dan apabila jalan yang kedua dibuat dengan lebih sesuai dan lebih baik, barulah ditolkan. Tetapi mengikut peruntukan yang ada kepada Kementerian saya pada hari ini sungguhpun jalan itu cuma satu sahaja, tol masih lagi dapat dikenakan.

Dalam soal Tol Jalan Johor Bahru-Senai ini, satu kajian secara mendalam telah pun dibuat oleh pihak pegawai-pegawai dan Kementerian dan didapati waiar jalan ini ditolkan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun diputuskan oleh pihak Kementerian dan telah juga diberitahu kepada pihak Kerajaan Negeri.

Berkaitan dengan pembangunan masjid, sungguhpun perkara ini tidak ada dalam tajuk kecil tetap saya akan

ambil ingatan supaya masjid ini dapat dilaksanakan apabila mencukupi duit peruntukan diberi kepada pihak J.K.R.

Gerai-gerai LLM di Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur, harga yang telah dikenakan untuk dirikan gerai-gerai ialah dengan cara tender mengikut reka bentuk (design) yang telah disediakan. Jadi saya susah sedikit hendak menerima tuduhan bahawa harganya mahal kerana kalaulah mahal dan ini melalui tender tentu ada yang lebih murah. Pada pendapat saya mungkin pada ketika itu harga-harga mungkin mahal, maka sebab itulah harganya satu-satu bernilai \$65,000.

Saya tidak berapa faham dengan aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat kononnya gerai-gerai ini akan dijual dan terpaksa dibayar oleh pihak pengguna \$500 sebulan. Apa yang saya tahu gerai-gerai ini cuma akan disewakan dan pengurusannya dibuat oleh pihak FIMA, bukannya oleh pihak Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Ulu Muda pula telah sekali lagi menekankan bahawa adanya penyelewengan yang berlaku dalam pembinaan Jalan Alor Setar-Gurun. Tetapi suka juga saya mengingatkan kepada Yang Berhormat bahawasanya apa yang telah dinyatakan oleh Menteri saya, iaitu kontrak ini telah pun diberi dengan secara "joint-venture" di antara firma daripada Taiwan, Ret-ser Engineering dengan satu firma daripada tempatan sendiri, iaitu yang bernama "Kerjaya". Jadi soalnya di sini sama ada Kerjaya telah pun menjalankan tugas mereka dalam perusahaan joint-venture ini ataupun mereka telah pun menjadi satu partner yang tidur (sleeping partner). Walau bagaimanapun, oleh kerana Yang Berhormat sendiri telah nampak mata kepala sendiri adanya kerja-kerja yang patut dibuat oleh firma ataupun pemborong tempatan tetapi dijalankan kerja oleh pihak syarikat luar negeri, saya akan membuat penyelidikan sama ada perkiraan di antara kedua pihak, cumanya berangkali lori sahaja yang digunakan tetapi pekerja-pekerjanya terdiri daripada pemborong bumiputera

yang menjadi partner ataupun apa sahaja kira bicara yang telah dibuat oleh kedua-dua pihak. Jadi susahlah kita hendak menentukan dengan nampak sekali sekala apa yang berlaku di tapak kerana mengikut kontrak ini adalah satu tender yang dimasukki secara joint-venture di antara Taiwan dengan Kerjaya.

Bagi syarikat-syarikat ataupun pemborong-pemborong kecil bumiputera tempatan untuk mendapat kerjasama, itu bergantunglah kepada pemborong bumiputera Kerjaya ini sama ada mereka mampu untuk menjalankan kerjanya sendiri atau pun mereka hendak subkontrakkan kerja-kerja itu. Walau bagaimanapun, kalau betul benda ini berlaku bukannya dengan sebab dasar kita salah, tetapi mungkin penyelewengan yang dijalankan oleh pihak partner daripada tempatan.

Soal bekalan air Kedah Tengah, nampaknya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di sini, ialah paip telah dipasang pada tahun 1980 tetapi tempat takungan dan filtration cuma siap pada tahun 1984. Ini mungkin betul kerana ada kalanya punca yang telah dikenal pasti pada mulanya didapati tidak sesuai, maka satu lagi kajian terpaksa dibuat. Perkara seperti ini sentiasa berlaku dan terpaksa salah satu kajian dibuat semula dan sebagainya. Mungkin dalam perancangan awal perkara ini telah pun diambil perkiraan supaya kedua-duanya dapat disiap serentak tetapi dalam soal tempat takungan, tempat mengambil air dan filtration, ini memerlukan engineering yang lebih lagi complex, maka ada masanya bahagian untuk mendapat air ini menimbulkan masalah-masalah yang melewati persiapannya. Sambil itu barangkali kontraktor yang menjalankan penanaman paip terus menjalankan kerja dan oleh sebab itu paip-paip ini telah pun ada tetapi bekalannya terlambat sedikit.

Yang Berhormat dari Baling pula telah menyebut soal Rumah Rihat. Suka saya memaklumkan bahawa Rumah Rihat tidak termasuk dalam kediaman rasmi, lagi pun Rumah

Rihat ini pada sekarang ini tidak lagi menjadi tanggungjawab Kementerian saya bahkan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri sendiri dan juga pada lazimnya Kerajaan Negeri telahpun menyerahkan tanggungjawab ini kepada pihak SEDC-SEDC masing-masing. Walau bagaimanapun saya akan menyampaikan hasrat Yang Berhormat dari Baling supaya Rumah Rihat baru dapat diadakan bagi kepentingan pelawat-pelawat ke kawasan Baling.

Yang Berhormat dari Jerai telah menyebut soal Lebuhraya Timur/Barat. Pada umumnya suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Lebuhraya Timur/Barat ini telahpun menjadi persoalan sebegitu lama dan telah beberapa kali kita telah membuat penerangan-penerangan kepada semua pihak yang telah mengambil berat atas pembinaan lebuhraya ini.

Perkara yang pertamanya sukalah saya mengingatkan balik bahawa Lebuhraya Timur/Barat ini tidaklah dianggarkan sebagai satu rancangan pembinaan lebuhraya seperti mana yang lazim. Yang telah berlaku ialah pada akhir tahun enam puluhan apabila Allahyarham Tun Abdul Razak mendapati ramai di antara rakyat di Pantai Timur tidak ada kerja kerana penutupan beberapa kawasan bijih maka telahpun diarah kepada pihak JKR untuk mengadakan pekerjaan dengan cara membuat sedikit sebanyak daripada semasa ke semasa jalanraya menghubungkan Pantai Timur ke Pantai Barat. Maka pihak JKR tanpa mengadakan survey yang cukup dan dengan rangka bentuk yang disediakan, terus menggunakan pekerja-pekerja ini dengan ada sedikit penentuan aliran daripada Timur ke Barat.

Peruntukan pula tidak pernah ditentukan dengan secara tepat. Daripada setahun ke setahun diminta tambahan daripada semasa ke semasa sehinggalah pada tahun 1978 barulah boleh dikatakan lebuhraya ini dianggap sebagai satu projek khas untuk

mengadakan satu lebuh raya menghubungkan Negeri Kelantan dan Perak. Barulah sedikit sebanyak peruntukan dapat ditentukan dengan secara tepat setelah jalan di antara kedua-dua pihak ini dapat bertemu atau ditembus. Dengan adanya tembusan ini barulah dapat survey yang mencukupi dapat dibuat dan rangka bentuk dengan secara lebih tepat barulah dapat dibuat kerana keadaan di sana dengan hutan rimba yang begitu tebal dan gunung-ganang yang begitu curam maka pada peringkat awalnya tidak pernah dapat kita menentukan aliran, tidak pernah menentukan rangka bentuk dan dengan sebab itu tidak pernah dapat menentukan berapakah kos yang sebenarnya.

Bagi makluman Yang Berhormat, kos yang sebenarnya setelah dapat kita mengadakan permukaan jalan yang boleh digunakan oleh pihak pengguna-pengguna dengan menggunakan kenderaan kereta telahpun mencapai hampir \$400 juta. Pada lazimnya satu-satu jalan sungguhpun dengan keadaan bumi yang agak tidak begitu buruk perbelanjaan bagi mengukuhkan tebing-tebing, dengan izin, slope and embankment memakan belanja di antara 30% hingga kepada 50%. Seperti jalan-jalan kita di Kuala Lumpur ini pun ada kita mengukuhkan tebing-tebing dan belanjanya di antara 30% hingga kepada 50% daripada keseluruhan harga mengadakan jalan. Dengan harga \$400 juta yang telah dibelanja untuk mengadakan jalanraya menghubungkan Gerik dengan Jeli ini boleh dikatakan satu sen pun tidak pernah dibelanja untuk mengukuhkan tebing-tebing dan lereng-lereng bukit (slope and embankment). Ini ialah dengan beberapa sebab.

Sebab yang pertamanya kerana untuk menjimatkan perbelanjaan di masa itu dengan tujuan, dengan hasrat, untuk menambah perbelanjaan daripada setahun ke setahun supaya dapat kita mengukuhkan tebing-tebing ini setelah nampak tanda-tanda tebing-tebing itu tidak begitu kukuh. Maka

setelah nampak tanda-tanda tebing-tebing dengan secara umum, supaya perbelanjaan ini terus dijalankan untuk mengukuhkan lereng-lereng bukit dan sebagainya.

Pada pertengahan tahun 1982 apabila didapati jalan itu boleh dilalui, sungguhpun belum siap maka pihak JKR telahpun membenarkan pengguna-pengguna melalui jalan ini dengan hasrat untuk menolong rakyat dalam perjalanan mereka daripada Pantai Timur ke Pantai Barat, dan sebaliknya, dengan menjimat masa dan dengan menjimatkan belanja yang begitu banyak. Tetapi jalan itu masih lagi belum siap. Cumanya dibuka untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan bagi rakyat. Maka pada tahun 1982 dalam bulan Oktober, November dan Disember oleh keadaan tebing-tebing bukit ini masih lagi belum diperkukuhkan, didapati banyak tempat-tempatnya terpaksa diambil tindakan dengan secara segera untuk dibaiki, kalau tidak permukaan jalan ini mungkin jatuh ke dalam gaung. Maka oleh sebab itu satu peruntukan dengan secara segera telahpun diminta kepada pihak Kerajaan untuk dibelanja bagi bukan sahaja membaiki bahkan memperkukuhkan tebing-tebing ini seperti perancangan yang telah dibuat. Dan tebing-tebing ini masih lagi dalam binaan atau untuk diperkukuhkan sehinggalah pada hari ini dan barangkali akan mengambil masa hingga satu dua tahun di masa hadapan dan akan memakan belanja barangkali hampir ataupun lebih \$100 juta kerana seperti mana saya telah beri keterangan kepada Yang Berhormat tadi tiap-tiap jalan kalau pun dengan keadaan tanah yang tidak begitu buruk akan mengambil sekurang-kurangnya 20% ataupun 30% sehingga sampai 50% untuk memperkuat tebing-tebingnya.

Jadi kalau kita belanja hampir \$400 juta bagi mengadakan pembinaan jalan ini maka tidaklah menjadi pelek kalau \$100 juta ataupun lebih untuk kita memperkukuhkan tebing-tebing yang begitu curam, yang begitu tinggi dan keadaan di mana permukaannya, dengan izin, above sea level dekat

dengan 4,000 kaki hujannya begitu banyak, maka dengan sebab hujan begitu banyak dan keadaan tebing-tebing ini begitu sekali terbuka maka terpaksa kita membelanja untuk memperkukuhkan jalan ini dengan memperkukuhkan tebing-tebing, slope dan sebagainya. Itulah bagi pengetahuan Yang Berhormat. Pada pendapat saya \$10 juta ini adalah satu peruntukan yang kecil yang tidak juga boleh mencukupi untuk menguatkan jalan ini dan janganlah terkejut kalau dari setahun ke setahun peruntukan yang seperti ini ataupun lebih banyak diminta untuk memperkukuhkan jalan yang begitu mustahak kepada rakyat dalam negara kita.

Perkara yang keduanya berkaitan dengan pinjaman \$40 juta yang telah diberi kepada LLN dan jalan yang sedang disediakan di antara Guar Chempedak dengan Gurun di mana pihak yang menjalankan kerja tidak mengambil perhatian untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil di situ. Saya akan mengambil perhatian dan cuba mengawalkan keadaan. Saya percaya ini adalah satu tanggungjawab kepada pihak LLN dan juga kepada pihak Consultant yang menjaga dan membiayai pembinaan jalan ini.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran kepada kegiatan-kegiatan JKR.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$54,300,060 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)

(Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$54,300,060 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

Maksud B. 63 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 63, Kepala Pembangunan P. 64 dan P. 63 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

6.02 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta membincangkan mengenai P. 63 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, iaitu yang pertama ialah di bawah Butiran 1 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Perkara (v), Kemudahan Sosial.

Kita lihat di sini bahawa satu peruntukan yang begitu besar telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga dan juga Rancangan Malaysia Yang Keempat untuk kemudahan sosial. Ini adalah sangat wajar kerana kita tahu bahawa luasnya dan besarnya bilangan rancangan-rancangan kemajuan tanah di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini dan juga mereka yang mendapat faedah daripada segala projek-projek pembangunan yang dijadikan di bawah rancangan ini.

Dari segi kemudahan sosial, saya merasakan bahawa kemudahan sosial yang diberi di bawah Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan hampir kesemua rancangan adalah memuaskan, iaitu dari segi apa yang kita dapat lihat dari segi fizikalnya di mana terdapat rumah-rumah yang begitu tersusun rapi, kemudahan-kemudahan lain sama ada dari segi kemudahan

sosial, adanya Balai-balai Raya, Dewan Orangramai, dan begitu juga kemudahan-kemudahan beribadat, masjid, surau dan sebagainya.

Di samping itu saya suka jugalah menyatakan bahawa apa yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan terutamanya mengembeling tenaga-tenaga peneroka-peneroka yang ada di rancangan-rancangan tanah khususnya bagi penerokawati di mana bilangannya yang begitu besar di bawah GPW. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana tenaga wanita ini telah dapat digembeling begitu baik dan pemikirannya juga dapat disalurkan mengikut dasar-dasar dan kehendak-kehendak Kerajaan.

Saya berharap usaha-usaha ini akan dapat diteruskan demi kepentingan pembangunan masyarakat di semua rancangan kemajuan tanah persekutuan. Tetapi ada satu perkara yang akhir-akhir ini menjadi kebimbangan kepada kita semua ialah wujudnya satu perkara yang boleh dianggap menjadi unsur memecahbelahkan masyarakat, kalau pun tidak pada generasi yang sekarang ini tetapi adalah pada generasi yang akan datang.

Saya difahamkan bahawa ada badan swasta yang telah menubuhkan sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan rancangan kemajuan tanah di beberapa negeri di negara kita iaitu yang berlainan sekali daripada sistem pelajaran yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran sendiri. Ertinya kalaulah adanya badan-badan ini menubuhkan sekolah-sekolah mungkin yang bersifat sekolah-sekolah ugama rendah di rancangan-rancangan kemajuan tanah ini terdapatlah dua jenis aliran pelajaran iaitu satu yang memang diiktiraf oleh Kerajaan, yang memang mengikut dasar pelajaran kebangsaan, tetapi yang satu lagi dianjurkan oleh pihak swasta. Ini adalah yang bertentangan dengan apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga menjadi cabaran kepada dasar pelajaran kebangsaan.

Ini saya berharap adalah dapat diawasi dan kalau boleh dibentasi oleh pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sendiri. Kalau kita biarkan perkara ini berlarut-larutan, sepuluh tahun yang akan datang kita akan dapat satu jenis masyarakat mungkin yang aliran fikirannya berlainan daripada yang kita kehendaki. Kerana kita khuatir bahawa pihak-pihak swasta, Badan-badan yang sekarang ini ghairah mewujudkan sekolah-sekolah swasta ini kemungkinan mempunyai muslihat dan matlamat jangka panjangnya untuk menjahanamkan atau merosakkan pemikiran generasi yang akan datang dan juga ini adalah boleh kita anggap sebagai satu musuh dalam selimut.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 14 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (iii) Pusat Pembangunan Pekebun Kecil. Pusat-pusat Pembangunan Pekebun Kecil ini saya anggap adalah sangat penting bagi satu-satu masyarakat pekebun-pekebun kecil dan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan di sini seharusnya selain daripada mempunyai matlamat sosial, tetapi mestilah lebih mementingkan matlamat kejayaan dan kemajuan ekonomi pekebun-pekebun kecil itusendiri.

Di bawah satu butiran baru iaitu (vii) di bawah Pemasaran/Pemerosesan Getah di mana peruntukan tambahan \$11,300,685 diperuntukkan, rasa saya adalah sangat wajar kerana pada pendapat saya pemerosesan dan pemasaran ini adalah penting sekiranya hasil pekebun-pekebun kecil ini tidak bermutu maka pemasarannya juga tidak akan mendatangkan hasil yang lumayan.

Di Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil ini kita tahu memang pekebun-pekebun kecil ini dalam satu-satu kawasan yang dijadikan mini estate memanglah asal-asalnya kawasan yang terbiar yang tidak begitu maju dari segi prasarana yang ada dalam Butiran (iv) Prasarana Asas, saya rasa sangatlah wajar untuk dipercepatkan kerana dengan tidak adanya kemudahan-kemudahan komunikasi juga

akan menyusahkan pemasaran dan juga khidmat-khidmat lain yang akan dapat dihantarkan oleh pihak Kerajaan. Sekian, Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.09 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan Maksud P. 63 bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1983, Butiran 14 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah iaitu RISDA.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi mengenai mustahaknya Pusat-pusat Pembangunan Pekebun Kecil yang telah ditubuhkan oleh pihak RISDA. Saya di sini hanya memohon supaya pihak RISDA memperbanyakkan lagi pusat-pusat seperti ini supaya ianya dapat digunakan dengan baik dan supaya pekebun-pekebun kecil getah ini dapat digunakannya dengan baik dan dapat keuntungan hasil dari pembangunan Kerajaan ini. Cuma satu perkara lagi yang saya hendak sebut di sini ialah suatu lagi Badan yang juga yang ditugaskan ialah untuk mengumpul susu getah ini iaitu MARDEC.

Di dalam hal ini saya nampak suatu pertandingan di antara MARDEC yang mengumpul susu cair dan pihak Pusat Pembangunan Pekebun Kecil ini membuat getah keping.

Jadi di sini seolah-olahnya ada pertandingan yang wujud. Walaupun begitu adalah diharapkan supaya kedua-dua itu dapat menjamin satu harga yang memuaskan bagi pekebun-pekebun kecil daripada hasil yang mereka usahakan itu.

Perkara kecil (iv) prasarana asas: saya ingin menyentuh sekali lagi walaupun telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tetapi saya menyebutkan dalam soal yang lain. Bagi negeri Kedah boleh dikatakan semua prasarana asas yang dirancang di bawah RISDA itu

telah diletakkan di bawah satu badan iaitu disebut IADP. Apa yang saya hendak sebut disini ialah mengenai kelambatan tiap-tiap projek yang di bawah IADP ini bagi negeri Kedah sehingga pada peringkat ini tidak satu pun jalan-jalan dibuat ke mini estet yang telah pun dilaksanakan oleh pihak RISDA.

Jadi saya memohon kepada pihak Risda di sini supaya dapat mempercepatkan, dapat menggerakkan IADP ini supaya mereka dapat melaksanakan dengan cepat, supaya ianya dapat digunakan oleh pekebun-pekebun kecil.

Perkara (vi) iaitu Pinjaman di bawah Sepentas. Saya mendapat sedikit sebanyak laporan bahawa pinjaman di bawah Sepentas ini telah diberhentikan sedikit masa dahulu dan saya memohon supaya perkara ini dapat disambung semula dan setengah-setengah pemohon yang telah pun membuat permohonan mengemukakan permohonan tetapi sehingga sekarang ini masih belum mendapat pinjaman itu. Ini saya yakin bahawa boleh jadi disebabkan oleh kerana ketiadaan peruntukan untuk perkara ini dan dengan tambahan ini saya merayu kepada pihak Kementerian Kemajuan Tanah supaya dapat memberi kelulusan kepada pemohon-pemohon yang berhajatkan kepada pinjaman di bawah Sepentas ini.

Perkara (viii) iaitu Latihan Pekebun Kecil dan Khidmat Penerangan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang sememangnya saya dapati telah pun banyak mengadakan kursus-kursus kepada pekebun-pekebun kecil. Saya meminta supaya dapat diperbanyakkan lagi khidmat penerangan untuk pekebun-pekebun kecil ini supaya mereka dapat mengetahui akan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Saya masuk sekarang kepada Butiran (16) Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Perkara (iv) Pembangunan Perusahaan. Pembangunan Perusahaan ini yang telah pun difahami bahawa Kegiatan perusahaan

yang dijalankan oleh pihak KEDA bagi negeri Kedah adalah memperkembangkan industri kecil di luar bandar.

Saya difahamkan bahawa pada 18hb September, 1980 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan supaya satu model pembangunan industri desa diwujudkan dan diimplementasikan di seluruh negara. Di dalam arahan itu pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah diarahkan untuk melaksanakannya.

Pada masa ini pihak KEDA telah pun menjalankan usaha-usahanya dengan jayanya tetapi malangnya kejayaan itu tidak boleh dipertingkatkan dan dipercepatkan lagi andainya jabatan-jabatan Kerajaan yang ada kaitan dengan usaha ini tidak memberikan sokongan dan kerjasama kepada pihak KEDA. Kerjasama-kerjasama yang diperlukan itu adalah daripada segi kewangan.

Yang keduanya, mempercepatkan kelulusan di dalam pengurusan sumber-sumber seperti tanah, bahan hutan dan galian serta juga pemberian lesen kepada pihak KEDA.

Yang ketiganya ialah memberi insentif kepada pihak KEDA di dalam usaha mengeksport barang-barang siap yang dikeluarkan oleh pihak KEDA.

Di dalam soal kewangan, setakat ini pihak KEDA telah pun menjalankan usaha-usahanya dengan menggunakan sumber-sumber dari pihak swasta, juga dari keuntungan anak-anak syarikatnya dan pinjaman dari pihak Kerajaan. Malangnya banyak industri yang dijalankan oleh KEDA adalah industri yang merupakan perintis (pioneering industries).

Industri-industri sebegini tidak mempunyai data berasaskan pengalaman yang lepas. Misalnya, di dalam industri buluh, pihak KEDA tidak boleh mendapat apa-apa data mengenai pencegahan serangan bubuk serta cendawan ke atas buluh-buluh yang telah disiapkan itu. Ini adalah kerana tidak ada mana-mana institusi ataupun syarikat-syarikat swasta yang mengetahui tentang proses mengawit buluh. Di dalam

pada itu pihak luar negeri seperti kumpulan-kumpulan di Taiwan tidak mahu memberi apa apa butir-butir mengenai perkara ini kerana ini adalah merupakan satu rahsia perdagangan bagi mereka. Mereka tidak mahu kita mengetahui perkara itu. Jadi pihak KEDA terpaksa menjalankan penyelidikan dengan sendiri yang boleh menelan belanja yang banyak. Saya juga mendapat tahu walaupun perkara ini telah dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan tetapi tidak sesen pun diberi sebagai geran kepada KEDA untuk tujuan ini. Jadi mengapakah perkara ini harus berlaku? Sedangkan jikalau pihak Kerajaan dapat memberi status "pioneering" yang banyak kepada syarikat-syarikat luar negeri, saya fikir tentu tidak ada halangan untuk memberi peruntukan di dalam bidang "research and development" yang akan memberi manfaat terus-menerus kepada rakyat miskin di luar bandar di negara ini.

Saya juga memohon di dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan industri desa yang mana pinjaman akan diambil dari pihak Bank Dunia agar dapat disalurkan ke negeri Kedah kerana negeri Kedah adalah sebuah negeri yang kurang dengan sumber-sumber alam. Dan di dalam pada itu negeri Kedah telahpun mempunyai agensi yang khas iaitu KEDA untuk menjalankan projek ini dengan teratur dan cekap.

Di dalam soal mempercepatkan kelulusan kepada KEDA bagi usahanya mengembangkan industri kecil desa adalah amat penting diambil kira bahawa apa yang dijalankan oleh KEDA adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat yang mendapat manfaatnya secara terus.

Saya dapat tahu bahawa banyak masalah berukrasi yang dirintangkan terhadap KEDA seperti menghadkan sumber-sumber yang hendak digunakan. Pihak KEDA sebagai satu agensi Kerajaan sudah tentu sedia maklum bahawa pengambilan sumber-sumber seperti buluh rotan, tanah liat dan lain-lain lagi untuk tujuan projeknya. Misalnya mengenai bayaran royalti

dan ini telahpun dilakukan tetapi mengapakah sumber-sumber hutan seperti rotan dan buluh tadi tidak dapat dikhasikan kepada KEDA di seluruh negeri Kedah, tidak dapat lagi KEDA mempergunakannya.

Pengalaman ini perlu diambil perhatian kerana andainya industri desa yang berasaskan kepada sumber-sumber tempatan di negeri-negeri lain akan menghadapi masalah yang sama seperti KEDA jikalau tidak diberi perhatian yang berat oleh pihak-pihak yang berkenaan. Misalnya jikalau ada tatacara yang tidak dijalankan adalah lebih elok jabatan-jabatan yang berkenaan bersidang ataupun bermesyuarat dengan pihak KEDA ataupun mana-mana agensi yang ditugaskan seperti KEDA bagi negeri-negeri lain supaya tidak terjadi serbuan-serbuan penutupan oleh pihak Kastam dan juga oleh pihak Jabatan Hutan ke atas beberapa kilang yang telah didirikan oleh pihak KEDA ini.

Di dalam soal ini kerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain adalah perlu untuk membolehkan pihak KEDA menjalankan tugasnya dengan baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

6.18 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, saya terus bercakap berhubung dengan Maksud B. 63 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Butiran 14—Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang mana telah Yang Berhormat Menteri telah berusaha dengan begitu gigih di atas perkara membangunkan keadaan pekebun-pekebun kecil yang mana terdiri lebih kurang 500,000 keluarga.

Yang pertama sekali saya suka bercakap berhubung dengan perkara kredit sara hidup yang diberi pada

tiap-tiap bulan itu kepada pihak pekebun kecil yang telah diterima sebanyak \$100. Menerusi Dewan ini saya berharap pembayaran ini dapat diteruskan bagi yang telah dijanji dan bagi yang baru itu kita kaji semula sama ada boleh kita terus ataupun tidak tetapi bagi yang telah kita janji dan kita hendak beri \$100 itu hendaklah diteruskan, oleh kerana pemberian pada mereka ini adalah kena pada tempat oleh kerana kebanyakannya terdiri daripada penduduk-penduduk daripada kawasan Baling sendiri beratus-ratus orang.

Dan yang kedua, berhubung perkara rancangan hendak mengadakan mini estate TSB di kawasan-kawasan pendalaman dan lain-lain juga harus kita meningkatkan oleh kerana pihak pekebun kecil telah memberi kepercayaan pada hari ini kepada pihak RISDA untuk membimbing mereka dengan membesarkan dengan tanaman baru, tanaman semula dengan secara perseorangan dan juga dengan cara berkelompok. Usaha-usaha inilah dipupuk dengan bimbingan daripada pegawai-pegawai pihak RISDA dan juga inisiatif Kementerian sendiri. Sehingga mereka berusaha dengan begitu lebih sehingga pihak Kementerian juga iaitu Menteri telah mendapat satu pertolongan khas iaitu dengan mengadakan satu skim pampasan baru-baru ini iaitu skim insuran, pampasan daripada pekebun kecil yang mana telah dilancarkan baru-baru ini di Bota Kanan yang mana usaha ini telah menarik minat kepada pihak pekebun-pekebun kecil untuk mengusahakan lebih. Maka di sini juga saya berharap oleh kerana saya mengucapkan terima kasih selaku Wakil Rakyat di kawasan Baling. Baling telah dipilih oleh pihak RISDA menjadi satu kawasan contoh siri tahun 1984 yang mana usaha-usaha telah dijalankan dan juga saya percaya usaha-usaha yang pertama kita berharap pihak pekebun kecil di sana berharap supaya apa yang telah dirancang untuk skim tanaman semula atau skim tanaman baru yang telah dirancangan yang mana terdiri lebih kurang empat lima ribu ekar yang telah pun disukat oleh pihak

Pejabat Tanah yang mana kita berharap dalam perkara pelancaran ini usaha ini dapat diutamakan sebagai contoh.

Saya mengucapkan terima kasih oleh kerana ada juga menyokong di atas permohonan ini oleh kerana bagi memesatkan lagi iaitu memproseskan getah dan juga dapat memasarkan getah dengan cara daripada satu peringkat kepada peringkat yang tinggi, peringkat antarabangsa. Kita berharap mudah-mudahan pekebun-pekebun kecil juga akan mendapat nikmat dengan usaha ini.

Ini buat yang akhir sekali, saya berharap begitu juga apa yang telah dicakapkan bagi pihak Wakil Ulu Muda tadi membuka rancangan KEDA ini. Ada KEDA telah membuat rancangan dalam kawasan saya sendiri untuk hendak mengadakan satu kawasan dusun untuk menanam kopi yang seluas dekat seribu ekar. Tetapi usaha ini telah pun tidak dapat diteruskan oleh kerana dikatakan tidak mempunyai kewangan yang cukup. Tetapi kita berharap mudah-mudahan dengan penambahan ini dapatlah diusahakan juga sebagai satu dusun contoh iaitu di bawah KEDA sendiri iaitu di kawasan Kampung Rambu, Batu 7, Baling dan juga diikuti pula di sebuah kawasan iaitu Kampung Pulai yang mana lebih kurang 1,000 ekar. Dicampur kedua-dua ini lebih kurang dalam 200 ekar sahaja sebagai pilot project untuk menanam kopi-kopi yang mana kita nampak pokok-pokok kopi begitu baik sekali dan juga subur ditanam di kawasan itu.

Saya percaya kalau usaha ini dapat didirikan selain daripada industri kecil yang dicakapkan oleh Wakil Ulu Muda tadi ini juga satu usaha yang kita nampak akan dapat diikuti dan diterusi oleh pihak penduduk-penduduk kita di kawasan luar bandar.

Jadi, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang mana telah memilih daerah kawasan ini sebagai daerah contoh bagi RISDA bagi tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jemput menjawab.

6.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada tiga Ahli-ahli Yang Berhormat, dari Tanjung Karang, Ulu Muda dan dari Baling yang telah turut sama memberi sokongan dan membincang mengenai peruntukan tambahan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Pada keseluruhannya, Tuan Pengerusi, ketiga-tiga orang ini bercakap bersetuju dan mengakui di atas kejayaan-kejayaan perancangan yang kita lakukan. Tetapi di dalam mengakui kebaikan-kebaikan ini adalah sedikit sebanyak lagi yang dimintakan oleh ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat ini. Insya Allah, Tuan Pengerusi, apabila peruntukan ini kita luluskan kita akan jalankan seperti mana yang dikehendaki.

Selain daripada itu saya ingin memaklumkan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang tentang GPW bagi Gabungan Penerokawati di tanah-tanah rancangan yang pada hari ini terdapat 225 buah rancangan tanah yang telah dibuka oleh FELDA dan terdapat 82,000 orang lebih kurang penerokawati, yang menduduki di dalam kawasan rancangan yang telah saya sebutkan tadi dan keseluruhan penerokawati ini menjadi ahli kepada gabungan penerokawati di wilayah-wilayah ataupun di rancangan-rancangan. Gerakan-gerakan mereka ini mempunyai ahli-ahli jawatankuasa di tanah rancangan dan di wilayah sampai ke peringkat kebangsaan. Sehingga hari ini kita sangat berterima kasih kepada penerokawati-penerokawati yang telah menganggotai badan ini dan pihak FELDA sendiri ada mempunyai seorang pegawai di peringkat pusat di peringkat wilayah dan peringkat rancangan bagi melihat, menyusun kemajuan-kemajuan aktiviti aktiviti akan dibuat oleh mereka ini. Usaha untuk menggunakan masa lapang telah juga dijalankan oleh badan ini dengan

mengadakan aktiviti-aktiviti sulam-menyulam dan berbagai kerja tangan yang boleh dijalankan. Hasil daripada kerja tangan mereka ini telah dibawa untuk dipasarkan di kawasan-kawasan, di dalam negeri-negeri yang tertentu dan juga di peringkat kebangsaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang patut saya jawab apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Karang ialah terdapatnya sekolah-sekolah swasta di tanah-tanah rancangan.

Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah swasta yang dikatakan swasta ini sebenarnya bukanlah swasta yang dianggotai oleh satu badan yang mencari keuntungan. Tetapi sekolah-sekolah swasta ini sekolah persendirian yang ditubuhkan oleh peneroka-peneroka di tanah rancangan itu sendiri dan kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin sekolah ini ataupun penganjur-penganjur sekolah ini adalah terdiri daripada orang-orang yang memberi sokongan kuat kepada gerakan-gerakan ataupun establishment, dengan izin, Kerajaan yang ada pada hari ini. Sekolah-sekolah ini kebanyakannya sekolah agama rakyat yang memberi pendidikan agama kepada anak-anak kita selepas daripada mempelajari sekolah sama ada petang ataupun yang bersekolah petang diberi pendidikan agama di waktu pagi. Pembinaan sekolah ini dikekelolakan oleh peneroka sendiri dan sebahagian daripadanya untuk pembangunan sekolah yang berkenaan ditanggung oleh FELDA. Kita berharap jangan ada elemen-elemen yang cuba menggunakan penubuhan sekolah ini sebagai asas untuk memberi tapak kemajuan bagi mereka menanam semangat penentangan kepada kita pada masa yang akan datang.

Sehingga hari ini saya ingin memberi keyakinan kepada Yang Berhormat dari Tanjung Karang bahawa kita sentiasa mengawasi supaya elemen-elemen ini tidak mula mendapat tenaga dan tempat di kawasan-kawasan tanah rancangan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Ulu Muda mendesak supaya lebih banyak diadakan pusat-pusat

pekebun-pekebun kecil seperti Yang Berhormat daripada Tanjung Karang dan Yang Berhormat dari Baling bangkitkan. Kita memang berhasrat untuk mengadakan sebanyak-banyaknya tetapi adalah menjadi maklum kepada kita semua nafsu besar tenaga kurang. Oleh itu kita terpaksa menyesuaikan, kita kontrol nafsu kita ini sesuai dengan tenaga kita yang ada. Dan dengan keadaan kewangan yang ada pada hari ini kita selaraskan pembangunan ini dan keseluruhannya prestasi pusat-pusat pekebun-pekebun kecil dan pekebun-pekebun kecil di seluruh negara kita yang mempunyai bilangan lebih kurang 500,000 orang ini adalah memuaskan.

Satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda tentang percanggahan antara MARDEC dan pusat-pusat pekebun-pekebun kecil dari segi pemerosesan hasil keluaran pekebun-pekebun kecil iaitu susu getah. Bagi MARDEC, MARDEC juga adalah bekerjasama dengan pusat pekebun kecil di mana kalau pusat pekebun kecil itu tidak dapat memproseskan getah-getah ini menjadi getah keping, maka MARDEC akan membeli getah ini. Tetapi bagi kawasan yang kita boleh memproseskan getah cair ini kepada getah keping maka pusat-pusat pekebun kecil akan memproseskannya. Kita ada mendirikan beberapa banyak rumah asap bagi menolong pekebun-pekebun kecil kita mengadakan proses pengeluaran getah keping ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, panjang lagi? Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Saya sangat bersetuju, Tuan Pengerusi. (Ketawa)

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, hari Khamis, 22hb Mac, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 ptg.